

قُلْ بِرَوْدَةٍ

PETIKAN TITAH

"HAYATILAH sejarah, betapa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mentarbi para sahabat dan pengikut Baginda dengan Al-Quran sehingga melahirkan belia-belia dan pejuang-pejuang yang sangat berjuang untuk Islam. Mereka berperpadu dengan peribadi Al-Qur'an, berperang dengan perangai Al-Quran, berjaya dan bersenang dengan jiwa dan semangat Al-Quran. Mereka inilah pembina tamadun yang sebenar-benarnya."

- Titah Sempena Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Kali Ke-6, Tahun 1435 Hijrah / 2013 Masih.



# قُلْ بِرَوْدَةٍ

## Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK  
4.47 4.57 6.21 6.45 12.17 3.39 6.11 7.26

TAHUN 63 / BILANGAN 151

17 DISEMBER 2018 / 1440 9 ربيع الآخر

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

# YTM berkenan menyertai Kejohanan Orienteering



Berita : Ihsan  
Jabatan Radio Televisyen Brunei

TEMBURONG, Ahad, 16 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai Kejohanan Orienteering atau Sukan Merentas Desa berpandukan Peta dan Kompas Terbuka Brunei 2018.

Kejohanan diadakan di Kompleks Bumiputera Pekan Bangar, Temburong.

Juga berangkat menyertai kejohanan tersebut ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim serta kerabat diraja.

Kejohanan dianjurkan oleh Persatuan C.A.R.E dan disertai oleh 40 orang dari lima negara, iaitu Negara Brunei Darussalam, Jerman, Malaysia, Singapura dan United Kingdom.

Ke muka 3

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah kepada para pemenang pada Kejohanan Orienteering atau Sukan Merentas Desa berpandukan Peta dan Kompas Terbuka Brunei 2018.

# Badan petugas pajakan tanah perlu dibentuk

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Disember. - Jabatan Perancang Bandar dan Desa memang menyediakan tapak-tapak tanah serta mengenal pasti tapak-tapak tanah yang berpotensi untuk dimajukan, misalnya sebahagian kawasan-kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan juga di luar kawasan RPN, seperti Sibonghutan dan Tanah Jambu untuk tujuan perniagaan, *corner shops, resort, mixed development* atau yang sebanding.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar berkata, bagi memastikan pelaksanaan kemajuan ke atas

tapak-tapak tanah kerajaan yang dikenal pasti untuk diberikan kepada pengusaha-pengusaha atau pelabur-pelabur yang berminat, keadilan dan kesaksamaan dalam mengagihkan kawasan-kawasan ini adalah penting.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa, jelas Yang Berhormat, perlu mencari kaedah yang sesuai untuk diguna pakai di negara kita ini, dengan mengambil kira *good practices* atau amalan yang telah diguna pakai oleh negara-negara maju, seperti kaedah-kaedah pajakan tanah bagi tempoh tertentu melalui *open bidding* atau mana-mana kaedah yang difikirkan sesuai di negara ini.

Ke arah itu, Yang Berhormat

mencadangkan bagi pembentukan satu badan petugas atau *task force* yang terdiri daripada jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan dan diwakili oleh agensi-agensi kerajaan yang relevan termasuk Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (Government Link Company) untuk meneliti mekanisme, modus operandi atau Standard Operating Procedure (SOP) bagi pendekatan pajakan tanah melalui proses *open bidding* atau kaedah yang sesuai termasuk proses kaedah penilaian dan pelupusan tanah (*mechanism of land release*) melibatkan tanah-tanah kerajaan secara telus dan dapat menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK yang lebih tinggi.

Ke muka 8

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam  
infodept.bn  
infodept\_bn



Muka 6  
BIBD Connects dekatkan masyarakat, usahawan



Muka 10  
PELBAGAI aktiviti meriahkan Sambutan Hari Antarabangsa OKU

# Galakkan penjagaan mata

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan salam sejahtera

**A**LHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir di pagi ini dalam Majlis Sambutan Hari Penglihatan Sedunia 2018. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga akhir zaman.

Hari Penglihatan Sedunia adalah suatu inisiatif International Agency for the Prevention of Blindness dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ke arah kempen vision 2020, iaitu satu inisiatif dunia untuk menghapuskan masalah buta dan kurang daya penglihatan yang boleh dielakkan.

Kini sudah tiba masanya untuk menarik kembali perhatian dunia kepada tujuan asas pertubuhan tersebut, iaitu bagi setiap negara ahli untuk melaksanakan Pelan Tindakan Global (Global Action Plan) seperti mana yang telah dipersetujui ketika Perhimpunan Kesihatan Sedunia (World Health Assembly - WHA) pada tahun 2013. Berikutnya dengan itu, tema Sambutan Hari Penglihatan Sedunia pada tahun ini adalah 'Penjagaan Mata Sejagat' atau 'Eycare, Everywhere'.

Tema tahun ini merangkumi pelbagai aspek perkhidmatan mata dan mempunyai skop definisi yang sangat luas. Antara definisi utama yang termasuk dalam tema ini ialah pemberian perkhidmatan yang mudah didapati ataupun *accessible healthcare*, di samping perkhidmatan kesihatan yang tidak membebankan individu, tanpa mengira latar belakang dan status sosioekonomi individu berkenaan.

Di Negara Brunei Darussalam lebih kurang 50 peratus pesakit-pesakit yang dirawat di klinik-klinik mata adalah pesakit yang menghidap Diabetis atau kencing manis. Pada tahun 2017 sahaja, statistik kehadiran pesakit di perkhidmatan mata di pusat-pusat kesihatan ialah sekitar 25,000 orang pesakit, yang mana lebih 40 peratus daripadanya adalah untuk pemeriksaan saringan *diabetic retinopathy*, iaitu penyakit mata disebabkan oleh penyakit kencing manis. Jumlah pemeriksaan saringan *diabetic retinopathy* juga telah meningkat sebanyak 40 peratus



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Penglihatan Sedunia 2018 dengan tema 'Penjagaan Mata Sejagat' pada Ahad, 3 Safar 1440 Hijrah bersamaan 14 Oktober 2018 Masih di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

pada tiga tahun kebelakangan, iaitu daripada 7,700 pada tahun 2014 kepada 11,000 pada tahun 2017. Memandangkan bilangan orang yang menghidap kencing manis dijangka meningkat sebanyak 40 peratus pada tahun 2030, jumlah pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mata juga dianggarkan akan meningkat dari tahun ke setahun. Walau bagaimanapun, jika pengesanan awal, rawatan tepat pada masanya dan susulan yang bersesuaian dilakukan. InsyaAllah kita akan mampu mengurangkan risiko kehilangan penglihatan sebanyak 95 peratus.

Dalam pada itu, kesedaran orang ramai dalam kepentingan menghadiri perjanjian doktor untuk pemeriksaan rutin dan pemeriksaan susulan adalah sangat diperlukan. Jika pesakit tidak hadir pada perjanjian yang telah dijadualkan, pesakit demikian mempunyai risiko untuk menghadapi masalah yang lebih teruk. Bagi pemeriksaan dalam kalangan kanak-kanak pula, masalah mata, seperti retraktif ralat (*refractive error*) atau mata malas (*amblyopia*) jika tidak dikesan dengan lebih awal ia boleh menjadikan kerosakan penglihatan yang kekal. Justeru itu, peranan ahli keluarga dalam mematuhi perjanjian doktor dan juga memastikan kanak-kanak mereka mengikuti nasihat doktor dalam pemakaian cermin mata atau *patch* mata, seperti

yang ditetapkan adalah sangat penting. Ini adalah untuk memastikan kemampuan anak untuk mencapai potensi mereka tidak terjejas.

Bagi pesakit yang mempunyai risiko untuk menghidap penyakit kencing manis yang membawa ke arah masalah atau penyakit mata yang boleh dielakkan, pesakit dinasihatkan untuk mengamalkan pemakanan yang sihat, pengambilan gula yang lebih rendah dan seterusnya berusaha untuk memahami dengan lebih lanjut lagi tentang kepentingan membuat pilihan yang sihat dalam makanan dan minuman sehari-hari. Selain daripada itu, meluangkan masa untuk bersenaman sekurang-kurangnya 30 minit 5 kali dalam membantu dalam seminggu juga mampu dalam mengelakkan kesihatan tubuh badan secara menyeluruh. Merujuk kepada tema 'Eycare, Everywhere', Alhamdulillah. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan perniagaan kesihatan mata yang boleh diperoleh di keempat-empat hospital dan pusat-pusat kesihatan di seluruh negara. Perkhidmatan kebangsaan mata yang berpangkalan di Pusat Mata, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha adalah pusat rujukan utama yang menerima seramai lebih kurang 20,000 pesakit setahun bagi menangani kes-kes rumit atau kes yang memerlukan rawatan dengan segera. Perkhidmatan mata asas hospital lain ada disediakan di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong dan Hospital Suri Seri Begawan, Daerah Belait. Di Daerah Brunei Muara, kebanyakan pesakit dijumpai di Klinik Mata Masyarakat di pusat-pusat kesihatan termasuk Pusat Kesihatan Berakas, Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Gadong dan Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong. Manakala di Daerah Temburong menyediakan perkhidmatan di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong. Ini jelas menunjukkan keprihatinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mendekatkan lagi perkhidmatan kesihatan khususnya perkhidmatan penjagaan kesihatan mata kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 12

## Dari Sidang Pengarang.

17 DISEMBER 2018 BERSAMAAN 9 ربیع الآخر 1440

### PERTINGKATKAN KEWASPADAAN DAN KESIAPSIAGAAN DI MUSIM TENKUJUH

**M**ENGIKUT kitaran monsun, Negara Brunei Darussalam dijangka akan memasuki musim Monsun Timur Laut bermula pada bulan Disember 2018 sehingga Mac 2019. Jabatan Kajiciuaca Negara Brunei Darussalam (BDMD) dalam siaran akhbarnya menjelaskan bahawa secara purata pada bulan Disember dan Januari yang juga dikenali sebagai Musim Tengkujuh aktiviti turunan hujan adalah sangat aktif dengan kejadian hujan dan hujan berperit berintensiti lebat sekali sekala terutama pada waktu sebelah petang dan malam. Walau bagaimanapun pada bulan Februari dan Mac, hanya sedikit turunan hujan dijangka berlaku.

Antara risikos bencana alam yang berkemungkinan terjadi pada musim tengkujuh adalah kejadian banjir, banjir kilat, angin kencang dan tanah susur, iaitu merujuk kepada kejadian-kejadian yang berlaku pada musim Monsun Timur Laut pada tahun lepas di mana hujan lebat yang berlaku untuk tempoh lebih dua jam akan mengakibatkan risiko kejadian banjir atau banjir kilat di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir atau kejadian tanah susur. Ianya akan menjadi lebih teruk apabila bertembung dengan kejadian air pasang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan dalam ucapan alu-aluannya semasa mempergerusikan Mesyuarat Kedua Majlis Bencana Kebangsaan pada 8 Disember lalu antara lain menekankan bahawa kerjasama erat dan bantuan daripada pelbagai agensi adalah diperlukan bagi membantu mereka yang terjejas dalam bencana sekali gus meringankan kesulitan yang mereka hadapi. Kerjasama yang erat dan padu tersebut melambangkan sikap kesiapsiagaan semua pihak yang berkenaan dan komitmen tinggi dalam menangani bencana dan berharap akan dapat mempertahankannya dan seterusnya meningkatkan komitmen masing-masing pada masa sekarang dan akan datang.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai keadaan iklim dunia sudah berubah dan sukar untuk diramal dan Asia Pasifik menjadi rantau yang mudah mengalami bencana seperti yang telah disaksikan oleh semua pihak pada tahun ini. Ujar Yang Berhormat lagi, ini adalah merupakan cabaran besar kepada pihak pengurusan bencana dan kita perlu sentiasa berwaspada serta siap siaga dalam menghadapi pelbagai jenis serta bentuk bencana yang mungkin berlaku.

Justeru itu, beberapa persiapan telah diselaraskan di antara NDMC dengan agensi-agensi berkepentingan antaranya langkah-langkah mitigasi banjir yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan termasuk perancangan jangka panjang, kerja-kerja mitigasi banjir, pemeliharaan aset-aset saliran dan kawalan pembangunan yang merangkumi keempat-empat daerah. Di antara kerja-kerja yang dilaksanakan termasuk menaik taraf sistem saliran yang sedia ada, membina dan memelihara kolam takungan, membina stesen pam saliran dan menaik taraf sungai-sungai utama serta anak-anak sungai yang berkenaan.

BDMD juga giat mengadakan siri Taklimat Cuaca Kebangsaan sebagai salah satu inisiatif dalam usaha meningkatkan penglibatan kumpulan-kumpulan pengguna, seperti Kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan (Safety and First Responders), Kumpulan Ekonomi dan Industri, Pembinaan, Syarikat Insurans, Perusahaan Kecil dan Sederhana serta pihak media massa dan juga untuk meningkatkan kefahaman dan kepekaan pelbagai kumpulan pengguna mengenai keadaan cuaca semasa dan memudah cara kesiapsiagaan masing-masing menghadapi iklim cuaca di negara ini.

Luruan angin Timur Laut yang kuat juga boleh meningkatkan ketinggian ombak di Perairan Brunei daripada paras sederhana hingga ke paras bergelora. BDMD juga menasihatkan orang ramai supaya mengambil langkah-langkah atau perancangan yang bersesuaian dalam menghadapi musim tengkujuh nanti serta sentiasa peka dengan amaran cuaca terkini dan nasihat yang dikeluarkan oleh jabatan tersebut untuk mengelakkan dan mencegah insiden yang tidak diingini berlaku.

Maklumat mengenai keadaan cuaca terkini boleh diikuti dengan melayari laman sesawang [www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn) atau laman Facebook [@brunei-weather](https://www.facebook.com/brunei-weather), Instagram [@brunei-weather](https://www.instagram.com/brunei-weather) dan aplikasi bimbit Brunei WX atau menghubungi terus Pegawai Peramal Kajiciuaca yang bertugas di Pejabat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114. - Ketua Penyuntingan (Nh).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	31 °C	31 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	26 °C	25 °C
KUALA BELAIT		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	26 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
17	ISNIN	9	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11 7.26
18	SELASA	10	4.48	4.58	6.21	6.46	12.18	3.39	6.12 7.27
19	RABU	11	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12 7.27
20	KHAMIS	12	4.49	4.59	6.22	6.47	12.19	3.40	6.13 7.28
21	JUMAAT	13	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13 7.28
22	SABTU	14	4.50	5.00	6.23	6.48	12.20	3.41	6.14 7.29
23	AHAD	15	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14 7.29

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

<b>TALIAN KECEMASAN</b>	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
Wallahulam Bissawab Talian Cuaca 114 Brunei WX App	Google Play	App Store	123	NDMC 2380214	

# YTM berkenan menyertai Kejohanan Orienteering



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim serta kerabat diraja berkenan berangkat menyertai Kejohanan Orienteering atau Sukan Merentas Desa berpandukan Peta dan Kompas Terbuka Brunei 2018 (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyempurnakan pengurnian hadiah kepada para pemenang pada kejohanan tersebut.

## Dari muka 1

Sukan rekreasi itu memerlukan imbangan yang baik di antara koordinasi fizikal dan mental.

Para peserta perlu mencari tanda dari satu titik kawalan ke satu titik kawalan lain dengan berpandukan peta dan kompas dalam had masa yang diberikan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri kemudian berkenan menyempurnakan pengurnian hadiah kepada para pemenang.

Pasukan Malaysia muncul dari juara keseluruhan pada kejohanan berkenaan.

Berita : Ihsan Jabatan Radio Televisyen Brunei

# Masjid lambang perpaduan umat Islam



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tiga, kiri) semasa hadir bersama jemaah mendengarkan tazkirah bertajuk 'Peranan Masjid Di Zaman Rasulullah Alaihi Wasallam' dibawakan oleh Penolong Pensyarah Adjung, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

## Pencarian mangsa hilang diteruskan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG**, Ahad, 16 Disember. - Sebuah keluarga yang sedang berkelah di kawasan tepi sungai dikejutkan dengan kehilangan seorang ahlinya yang berumur sembilan tahun.

Balai Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengesahkan menerima laporan tersebut kira-kira jam 2.52 petang tadi.

Hasil maklumat awal yang diterima, serombongan keluarga datang ke kawasan Sungai Kuala Tutong pada sekitar jam 12.00 tengah hari bertujuan untuk beriadah dan berkelah.

Pada kira-kira jam 2.44 petang, mangsa dipercayai sedang bermain bersama ahli keluarga lain di kawasan tebing sungai. Mangsa dipercayai diheret oleh seekor buaya ke dalam sungai dan terus hilang.

Setakat ini, keanggotaan Balai Polis Tutong, Polis Marin, Pasukan Simpanan RU 'C' dan Jabatan Bomba dan Penyelamat berada di tempat kejadian bagi memberikan bantuan pencarian.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 16 Disember. - Masjid merupakan syiar yang besar bagi umat Islam. Kepentingannya apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah ke Madinah Al-Munawwarah. Langkah pertama yang dilakukan oleh Baginda bukanlah mengukuhkan kewangan, bukan juga pertahanan, tetapi yang pertama ialah membina masjid.

Penolong Pensyarah Adjung, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Abdul Rahman bin Ajak menjelaskan, Allahyarham Profesor Dato Seri Setia Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman pernah berkata yang dipetik daripada Risalah Al-Masjid,

iaitu "Peranan dan fungsi masjid ini amat besar, penting dan ketara sekali, ia melambangkan panduan antara urusan dunia dan akhirat, pusat hubungan manusia dengan Allah, pusat perhubungan manusia dengan manusia, dan pusat perhubungan antara pemerintah dengan rakyat."

Demikian jelas Awang Abdul Rahman semasa menyampaikan Tazkirah Subuh bertajuk 'Peranan Masjid Di Zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'. Tambahnya, peranan masjid di zaman Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu antaranya ialah tempat beribadat, seperti sembahyang fardu lima waktu, Sembahyang

Jumaat, dan iktikaf.

"Masjid juga merupakan tempat pertemuan lima kali sehari yang tidak hanya menyatukan secara fizikal, bahkan spiritual roh juga akan menyatu. Fungsi masjid yang lainnya ialah sebagai tempat musyawarah dan tempat perlindungan," jelasnya seterusnya.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Setiausaha Tetap JPM, Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat merupakan sebuah program sama-sama mengalau-alaukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.

# Gema Irama tampilkan keunikan seni budaya Brunei



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong beramah mesra bersama peserta-peserta persembahan Gema Irama (kiri), manakala gambar kanan, salah satu cabang seni budaya Melayu yang diketengahkan pada Gema Irama ialah seni pencak silat yang dipersembahkan oleh Kumpulan Pergeruan Cengkaman Harimau Ghaib.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Disember. - Gema Irama 2018 merupakan satu platform yang dicipta khas buat belia-belia Brunei untuk menampilkan bakat seni dari pelbagai bidang dan digabungkan di satu pentas khas bagi mendedahkan identiti keunikan persembahan seni kreatif dalam kalangan belia-belia Brunei dari seluruh negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengurus Majlis, Dayang Kris Karmila, Penggerak Seni dan Pengasas Kris Karmila Creations (Kreativa) yang juga selaku Ketua Biro Seni dan Budaya Kelab Komuniti Belia Transformasi

(KKBT) Pusat Belia semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Perasmian Gema Irama yang merupakan salah satu acara bagi memeriahkan Brunei December Festival (BDF) 2018.

Selain itu, tambahnya, Gema Irama juga bertujuan untuk membangkitkan kesedaran wujudnya seni dan budaya Brunei yang unik dengan kemahiran muda belia yang patut dipelihara, malahan sebagai platform untuk membantu belia menjana pendapatan melalui promosi kemahiran seni, sekali gus dapat membantu menjana ekonomi

negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara kebudayaan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Gema Irama 2018 merupakan kerjasama Biro Seni dan Budaya KKBT dan Kreativa dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP). Majlis berlangsung di Dewan Digadong,

bangunan KKBS.

Seramai 100 peserta dari seluruh negara berumur dari 6 hingga 35 tahun dan ke atas terlibat dalam mempromosikan industri kreatif kebudayaan dan keunikan budaya seni yang dimiliki negara ini yang boleh dikongsikan sebagai jambatan untuk memperkuatkan lagi kerjasama sosial budaya.

Antara yang dipersembahkan pada majlis tersebut ialah persembahan gulintangan, hadrah, lagu-lagu tradisional, deklamasi

**Berita dan Foto :**  
Hernie Suliana Haji Othman

puisi, tarian asli dan kontemporari serta persembahan silat.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko; Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud dan Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.



## Pelbagai acara meriahkan Tutongku Ceria



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Tutongku Ceria Sempena Festival Seni dan Kraf Tutong 2018 (kiri). Manakala gambar kanan, antara aktiviti permainan yang diadakan dan disertai oleh pengunjung Tutongku Ceria.

**TUTONG,** Ahad, 16 Disember. - Jabatan Bandaran Tutong dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong dan Badan Penyelaras dan Promosi Daerah Tutong mengadakan Program Tutongku Ceria Sempena Festival Seni dan Kraf Tutong 2018, di persekitaran Pekan Tutong, di sini.

Acara dimulakan dengan senaman zumba dan diteruskan dengan aktiviti berjalan santai sejauh 3 kilometer (km) yang bermula dan berakhir dari Pekan Tutong menuju ke Kanopi Tamu

Serambangun.

Di samping itu aktiviti kayuhan berbasikal sejauh 13km bermula dan berakhir dari Pekan Daerah Tutong, Awang Haji Azmi bin Haji Abd. Rahim selaku Pengurus Bersama Majlis; Ketua Pegawai Eksekutif Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali selaku Ahli Lembaga Bandaran Tutong dan Pengurus Bersama Majlis.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud.

Juga hadir, Ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Azmi bin Haji Abd. Rahim selaku Pengurus Bersama Majlis; Ketua Pegawai Eksekutif Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali selaku Ahli Lembaga Bandaran Tutong dan Pengurus Bersama Majlis.

Beberapa aktiviti sampingan turut dijalankan bagi

menghidupkan lagi suasana Tutongku Ceria seperti aktiviti kekeluargaan dan permainan seperti peraduan mewarna, memancing botol dan lain-lain yang disertai oleh sebahagian penduduk daerah ini.

Tutongku Ceria merupakan kesinambungan kepada inisiatif Hari Tanpa Kereta dan Program

**Berita dan Foto :**  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Bandarku Ceria yang diadakan di Bandar Seri Begawan pada setiap Ahad bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi, sebagai inisiatif mengukuhkan kekeluargaan, sekali gus membuka peluang kepada peniaga kecil dan sederhana, selain mengurangkan kesan karbon serta menggalakkan cara hidup sihat.

# Dayang Nur Qistina Adriana juara Naindung Mekar



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Dayang Nur Qistina Adriana binti Md. Yusirwan sebagai juara pada Pertandingan Lagu-lagu Brunei Asli Kanak-kanak 'Naindung Mekar' (kiri), sementara gambar kanan, juara, Dayang Nur Qistina Adriana (kanan) bergambar bersama naib juara, Dayang Nurnazurah binti Esa (tengah) dan tempat ketiga, Awang Muhammad Zuhairi bin Zuraimi pada pertandingan tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Disember. - Lagu 'Samalindang' berjaya mengangkat nama Dayang Nur Qistina Adriana



kanak 'Naindung Mekar' yang disiarkan secara langsung dari Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB) semalam.

Naib juara diraih oleh Dayang Nurnazurah binti Esa dengan dendangan lagu 'Dindang didindang' diikuti tempat

ketiga oleh Awang Muhammad Zuhairi bin Zuraimi dengan lagu 'Mendayut'.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para finalis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pertandingan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama RTB dihasrat dapat memupuk dan menyemai minat serta bakat seni suara dalam kalangan kanak-kanak yang berumur 8 hingga 14 tahun dengan mengetahui nyanyian lagu-lagu Brunei Asli secara lebih dekat dan praktikal.

Selaras dengan keutamaan bidang tugas KKBS untuk memelihara dan menjaga budaya, sejarah juga warisan sebagai tunjang perpaduan serta identiti bangsa yang bertamadun tinggi, pertandingan ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran dan seterusnya menghargai dan menghayati seni warisan budaya, terutama dalam mengekalkan keindahan serta kehalusannya dengan memberi pendedahan kepada generasi muda.

Pemilihan para peserta ke peringkat akhir ini adalah melalui 'Walk-in-Audition' yang telah diadakan di keempat-empat daerah ketika Bandarku Ceria, Bangarku Ceria dan KBku Ceria bersama dengan Projek Perjalanan Kebudayaan.

Pertandingan merupakan salah satu acara yang disusun bagi memeriahkan Brunei December Festival 2018.

## Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Kali Ke-12



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii selaku tetamu kehormat merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Kali Ke-12 yang diraikan semasa program Bandarku Ceria (kiri). Manakala gambar kanan, sambutan juga diisi dengan aktiviti zumba yang disertai oleh kanak-kanak bersama para ibu bapa penjaga mereka.

**Berita dan Foto :**  
Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Disember. - Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia (Universal Children's Day) Kali Ke-12 diraikan semasa program Bandarku Ceria di Taman Haji Sir Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Sambutan tersebut dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui

Nik Hafimi binti Abdul Haadii selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Tahir; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di KKBS, wakil daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM).

Perasmianya disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang


Kanak-Kanak Sedunia, yang mana ia juga merupakan sebahagian daripada komitmen Negara Brunei Darussalam yang meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Child) pada 27 Disember 1995.

Antara objektif sambutan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pendidikan kanak-kanak, seterusnya membarigakan kepada kanak-kanak cara-cara untuk melindungi diri sendiri daripada

menjadi mangsa keganasan, buli dan eksplorasi di sekolah.

Pelbagai aktiviti diadakan pada sambutan berkenaan, antaranya pameran interaktif dan pemberian maklumat dari JAPEM, JSS dan MKM.

Selain itu, sambutan juga diisi dengan aktiviti zumba bersama keluarga, Face Painting, Pertandingan Mewarna, Permainan Nerf Wreck dan pelbagai hadiah-hadiah menarik bakal dimenangi bagi memeriahkan sambutan tersebut.



# BIBD Connects dekatkan masyarakat, usahawan



MENTERI Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat majlis pada BIBD Connects Pop Up Market.

**BERAKAS**, Sabtu, 15 Disember - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganjurkan BIBD Connects Pop Up Market yang diadakan buat pertama kali di kawasan terbuka BIBD Connects di Simpang 262-8-10, Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B', Jalan 10 Utara.

Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

BIBD Connects menyediakan lokasi Pop Up Market yang sesuai dengan tujuan untuk mendekatkan keluarga dan masyarakat dengan lebih rapat, terutama dengan usahawan dan perbankan.

BIBD juga mengambil kesempatan tersebut untuk

mempromosikan dan menggalakkan pembayaran digital BIBD QuickPay, yang memberikan kelonggaran dan kemudahan kepada pemilik perniagaan dan pelanggan.

BIBD Connects Pop Up Market adalah sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat BIBD untuk mempromosikan perniagaan PKS tempatan, secara langsung meningkatkan keupayaan mereka untuk menjadi lebih kukuh dan mampu.

Pop Up Market tersebut dihadiri lebih daripada 20 PKS termasuk 12 peserta BIBD SEED yang mula memperkenalkan produk mereka ke pasaran tempatan.

Acara diikuti dengan penyampaian Sijil Penyertaan kepada peserta BIBD SEED yang disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Urusan BIBD, Dayang

Siaran Akhbar dan Foto :  
Bank Islam Brunei Darussalam

Hajah Noraini binti Haji Sulaiman atas kejayaan menyelesaikan fasa ketiga program - Produk Inkubator.

Pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak juga disediakan semasa Pop Up Market tersebut, sebagai aktiviti tambahan sempena cuti sekolah.

Pop Up Market adalah fasa seterusnya dalam program BIBD SEED, di mana para peserta didekati kepada situasi pasaran sebenar sebagai sebahagian daripada pembangunan keusahawanan mereka.

Fasa pasaran akan menguji kesungguhan mereka dalam menerapkan pengetahuan dan pembelajaran mereka dari fasa terdahulu seperti harga, pemasaran, komunikasi, jualan kepada pelanggan dan mempromosikan masing-masing produk.

## Kejayaan ALAF BIBD hasil usaha kolaboratif pihak berkepentingan



KETUA Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah (duduk, tengah) bergambar ramai bersama para pelajar Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (ALAF) yang mengambil bahagian dalam Konvensyen ALAF tahunan mengenai Wawasan Brunei 2035.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 15 Disember. - Seramai 20 Pelajar Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (ALAF) baru-baru ini mengambil bahagian dalam Konvensyen ALAF tahunan mengenai Wawasan Brunei 2035 dalam topik

yang terdiri daripada pendidikan, ekonomi, pelancongan, persekitaran dan kesihatan.

Konvensyen itu juga turut memperlihatkan akan perkembangan keupayaan para pelajar ALAF Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melalui

strategi pemetaan fikiran tentang cara berkongsi dan menyampaikan pandangan dan idea mereka dengan berkesan dan mendorong mereka untuk mengembangkan dan memberi tumpuan kepada matlamat mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji

Wahsalfelah yang antaranya menjelaskan bahawa kejayaan konvensyen ALAF BIBD tersebut adalah hasil usaha kolaboratif semua pihak berkepentingan termasuk BIBD, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta kementerian-kementerian lain yang berkaitan, bersama dengan pihak berkepentingan dari sektor korporat dan swasta, yang

merangkumi pendekatan Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya lagi, konvensyen tersebut adalah sebahagian daripada aktiviti tambahan kurikulum yang dianjurkan oleh program ALAF BIBD untuk para pelajarnya menjadi lebih inovatif dan kreatif dalam sumbangan mereka untuk membawa perubahan.

Aktiviti-aktiviti berkenaan menurut beliau, bertujuan untuk mempersiapkan belia Brunei menjadi sebahagian daripada tenaga kerja yang berdaya saing dan juga para pemimpin di masa depan, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk menjadi negara yang diiktiraf dengan pencapaian orang-orang yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

"Secara kebetulan, tema konvensyen tahun ini selari dengan Wawasan Brunei 2035 untuk memastikan, bukan hanya pelajar-pelajar program ALAF BIBD mengenalinya dengan sepenuhnya dan mewujudkan strategi jangka panjang negara, tetapi juga bagaimana menyumbang kepada pencapaian strategi tersebut, terutamanya dari usia muda," ujarnya.



PARA pelajar yang mengambil bahagian dalam Konvensyen ALAF tahunan mengenai Wawasan Brunei 2035.

# Muhammad Firdaus bin Sudirman johan Piala Pehin Jawatan Dalam



MENTERI Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (kiri) semasa menyampaikan piala kepada Awang Muhammad Firdaus bin Sudirman dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa johan Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-2, Tahun 2018 (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat semasa sesi bergambar ramai bersama para pemenang Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-2, Tahun 2018.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Disember. - Awang Muhammad Firdaus bin Sudirman dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa menujauai Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-2, Tahun 2018 pada peringkat akhir diadakan di Studio 4 Kompleks Radio

dan Televisyen Brunei (RTB) di Jalan Sungai Akar, di sini.

Dengan kemenangan tersebut, Awang Muhammad Firdaus menerima wang tunai sebanyak BND750, cenderamata dan sijil penyertaan sekali gus membawa pulang Piala Rebutan Pehin Jawatan Dalam Pertandingan Kuiz Sejarah.

Sementara itu, naib johan dimenangi oleh Awang Muhammad Aiman Syahmi bin Rosman dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dengan membawa pulang wang tunai sebanyak BND500, cenderamata dan sijil penyertaan.

Manakala, tempat ketiga disandang oleh Dayang Syifa Syazawani binti Suhaimi dari Sekolah Menengah Lambak Kiri yang menerima wang tunai sebanyak BND300, cenderamata dan sijil penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

PEMANGKU Timbalan Pusat Sejarah Brunei, Pengiran Hajah Mariam binti Pengiran Haji Ahmad selaku Timbalan Pengurus Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam semasa berucap pada majlis tersebut.



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Azmah Haji Ahad

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Juga hadir ialah Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar dan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Terdahulu, Pemangku Timbalan PSB, Pengiran Hajah Mariam binti Pengiran Haji Ahmad selaku Timbalan Pengurus Pertandingan kuiz tersebut dalam ucapan ala-alaunya antara lain menjelaskan tujuan pertandingan tersebut diadakan ialah untuk menyerapkan budaya berfikir secara kritis dalam kalangan para pelajar peringkat menengah Tahun 9, 10 dan 11.

Selain itu tambahnya, ia juga bertujuan untuk meningkatkan daya fikir para pelajar untuk lebih peka terhadap pencejahan negara sebagai bahan rujukan dalam pengkajian dan penyelidikan khususnya.

Pertandingan Kuiz Sejarah Piala Pehin Jawatan Dalam Kali Ke-2 merupakan anjuran PSB dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan RTB yang membawa tema Sejarah Wada Pencetus Minda.

Seramai 56 peserta terdiri daripada penuntut dari 28 buah sekolah menengah kerajaan dan swasta seluruh negara bersaing pada peringkat saringan kuiz tersebut pada 19 September 2018 lalu dan daripada jumlah tersebut, lapan buah sekolah mara ke peringkat separuh akhir diadakan pada 10 November 2018, manakala hanya empat peserta yang berjaya mara ke peringkat akhir.

# Industri profileman beri kesan kepada gaya hidup

Berita : Ihsan Brunei Film Blitz

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Disember. - Brunei Film Blitz dengan sukacitanya meraikan 100 Tahun Profileman Filipina yang sekian lama menerajui Industri Filem Asia Tenggara.

Sehubungan itu, Brunei Film Blitz mengadakan Sidang Akhbar yang dihadiri oleh Charge D 'Affaires dari Kedutaan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam, Konsul Pete Raymond V. Delfin dan Pengarah Festival, Dayang Siti

Kamaluddin.

Konsul Pete Raymond V. Delfin mengongsikan bagaimana industri profileman memberi kesan kepada gaya hidup dan identiti rakyat Filipina.

Ini jelas beliau, selaras dengan visi festival untuk mempromosikan pendidikan filem dalam membentuk identiti profileman Brunei.

Siti Kamaluddin turut mengongsikan kepentingan filem sebagai produk ekspor

budaya negara.

Beliau juga menggalakkan pengarah filem tempatan untuk bekerjasama bersama-sama dalam membentuk identiti keBruneian dalam industri profileman.

Bagi meraikan ulang tahun ke-100 tahun itu, tiga filem Filipina akan ditayangkan pada 16 Disember ini, iaitu Kakabakaba Ka Ba? (1.00 petang), Kita Kita (3.50 petang) dan Sonata (6.50 petang) di Mahakarya, Level 3, Plaza Athirah, Jalan Kubah Makam Diraja, Batu Satu yang dipersembahkan oleh Jollibee Brunei.

Pengarah filem Kita Kita, iaitu Sigrid Bernardo juga akan

menghadiri tayangan filem Kita Kita yang diikuti dengan sesi perbincangan panel.

Turut menghadiri tayangan tersebut ialah para pengkritik filem, iaitu Dr. Rolando Tolentino (member of Filipino Film Critic) dan Mr. Rito Asilo (Entertainment Editor of Philippine Daily Enquirer) yang akan mempergerusikan perbincangan panel mengenai filem Kakabakaba Ka Ba? dengan sokongan Kedutaan Filipina; Sentro Rizal, the Film Development Council of the Philippines (FDCP), the National Commission for Culture and the Arts (NCCA) and ABS - CBN.

Para pengarah filem tempatan adalah disyorkan untuk mengambil bahagian dalam tayangan dan panel perbincangan untuk memahami industri profileman daripada perspektif yang berbeza dan mengadaptasikan hasil perbincangan itu dalam penghasilan filem masing-masing.

Masuk ke tayangan tersebut adalah percuma. Untuk menempah tempat duduk bagi Tayangan Antarabangsa Brunei Film Blitz, sila layari laman sesawang [www.bruneifilmblitz.org](http://www.bruneifilmblitz.org) dan tekan Event Registration. Orang ramai juga boleh berhubung terus kepada pihak Brunei Film Blitz talian +673 8188777.

# Badan petugas pajakan tanah perlu dibentuk



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 yang membawa tema 'Merancang Untuk Perubahan Ke Arah Pembangunan Yang Mampan' bertempat di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan.

Berita dan Foto  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

## Dari muka 1

"Dalam hal yang sama juga, pihak swasta pula perlu tampil ke hadapan untuk sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan cadangan-cadangan pelan-pelan kemajuan, tanpa perlu bergantung harap kepada pihak kerajaan. Kaedah-kaedah yang sudah kitani dengar seperti Public-Private Partnership (PPP), Request For Proposal (RFI), Expression of Interest (EOI), Private Financing Initiative (PFI) perlu dipraktikkan segera," tegas Yang Berhormat semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 yang membawa tema 'Merancang Untuk Perubahan

Ke Arah Pembangunan Yang Mampan' bertempat di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Jelas Yang Berhormat, negara ini memerlukan pembangunan yang lebih pesat untuk memastikan visi atau Wawasan Brunei 2035 menjadi realiti.

Perancangan demi perancangan tegas Menteri Pembangunan telah dibuat dan tapak-tapak kosong sudah ada, namun masih terdapat *missing link* di antara perancangan dan pelaksanaan.

"Kita yakin tapak-tapak yang dicadangkan mampu menghasilkan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan melalui kaedah-kaedah yang sesuai," demikian harapan Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat juga memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 2017 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-71 Tahun, yang menekankan kepentingan sektor awam dan swasta sama-sama berganding buku meningkatkan daya inovasi dan kreativiti masing-masing sehingga mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

Ke arah itu, jelas Yang Berhormat, adalah penting bagi kerajaan untuk menumpukan kemajuan terhadap sektor-sektor yang boleh menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 dan menyumbang kepada ekonomi negara yang lebih dinamik dan berdaya tahan.

# Pelancaran dua buku garis panduan perancangan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa menerima buku 'Garis Panduan Perancangan Supplimentari : Garis Bangunan' dan buku 'Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Bagi Kemajuan Perumahan Edisi 2018' daripada Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Awang Shahrom bin Haji Awang Suhaimi (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyaksikan pameran pada Majlis Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Disember. - Dua buah buku garis panduan yang bertujuan untuk menyelaraskan parameter perancangan yang berkenaan dan proses permohonan kebenaran perancangan selaras dengan perkembangan semasa di dalam mewujudkan pembangunan yang mampan, dengan mengoptimakan penggunaan tanah dan pengurusan pembangunan yang cekap telah dilancarkan pada Majlis Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 yang diadakan bertempat di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Dua buah buku garis panduan perancangan tersebut ialah 'Garis Panduan Perancangan Supplimentari : Garis Bangunan' dan buku 'Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Bagi Kemajuan Perumahan Edisi 2018'. Sambutan Hari Perancangan

Bandar Sedunia 2018 kelolaan Jabatan Perancang Bandar dan Desa membawa tema 'Merancang Untuk Perubahan Ke Arah Pembangunan Yang Mampan' dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Awang Shahrom bin Haji Awang Suhaimi turut menyampaikan kata-kata aluan yang diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat yang diseluruhkan dengan pelancaran buku.

Semasa berucap, Yang Berhormat turut menyentuh mengenai tema sambutan yang menurutnya amat relevan dalam mendukung rangka dasar dan pelan strategik Kementerian Pembangunan 2018 - 2023 selaras

dengan misinya 'Kehidupan Berkualiti, Pembangunan Berterusan, Negara Makmur'.

Yang Berhormat seterusnya menyeru agar lebih banyak promosi-promosi dan kampen-kampen kesedaran diadakan untuk meningkatkan kefahaman orang awam mengenai perkara-perkara yang menyalahi undang-undang. Ini kerana masih lagi didapati pelanggaran peraturan di tahap yang tinggi.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat turut menyaksikan pameran mengenai pelan strategik Jabatan Perancang Bandar dan Desa, pelan-pelan pembangunan khususnya Pelan Daerah Brunei dan Muara dan Pelan Setempat Mukim Serasa, Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2015 serta perkongsian maklumat

mengenai dengan proses menghadapkan permohonan kemajuan dan maklumat garis panduan yang baharu dilancarkan.

Hadir sama, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Awang

Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung serta para pegawai di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



BUKU 'Garis Panduan Perancangan Supplimentari : Garis Bangunan' dan buku 'Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Bagi Kemajuan Perumahan Edisi 2018'.

# Bantuan rumah ringankan beban asnaf fakir miskin



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam memulakan peletakan batu asas bagi pembinaan salah sebuah rumah asnaf fakir dan miskin di Kampung Bukit Udal, Tutong (kiri), manakala gambar kanan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyaksikan pameran jenis rumah asnaf fakir dan miskin yang akan dibina.



**Berita da Foto :**  
Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Sabtu, 15 Disember. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerjasama agensi-agensi

kerjaan berkaitan sentiasa berusaha meringankan kesulitan dan kesusaahan yang ditanggung oleh golongan orang-orang susah, daif dan memerlukan bantuan terutama bagi memenuhi hasrat

mereka mempunyai tempat tinggal sendiri yang selesa dan selamat untuk berteduh.

Sehubungan itu, Majlis Peletakan Batu Asas bagi salah sebuah rumah daripada 27 buah unit rumah yang akan dibina diadakan di Penempatan Tersusun, Simpang 50-11, Kampung Bukit Udal, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Undang-undang dan Kesejahteraan) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad

Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim; Ketua Kampung Bukit Udal, Awang Johno bin Perak dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pembinaan rumah-rumah bantuan ini bermula pada 25 Oktober 2018 dan dijangka siap pada Oktober 2019 di tiga daerah, iaitu 10 buah di Daerah Brunei dan Muara; 14 buah di Daerah Tutong dan tiga buah di Daerah Belait. Syarikat yang telah dilantik bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan rumah-rumah tersebut ialah Syarikat Noracon Sdn. Bhd.

Perbelanjaan bagi pembinaan rumah tersebut adalah melalui peruntukan Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam Brunei, Asnaf Fakir dan Miskin berjumlah BND1,977,283.60 (Satu Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Tujuh Ribu Dua Ratus Lapan Puluh Tiga Ringgit dan Enam Puluh Sen sahaja).

Apa yang diharapkan, dengan adanya rumah-rumah ini akan dapat membantu meringankan beban dan kesusaahan yang selama ini mereka tanggung serta akan dapat memberikan keselesaan untuk mereka hidup dalam berkeluarga, beribadah, beribadah, pembelajaran anak-anak dan dapat menjamin keselamatan untuk mereka berteduh, khasnya bagi asnaf fakir dan miskin di Negara Brunei Darussalam.

# Darussalam Holdings pastikan kesejahteraan, keselesaan jemaah di Tanah Suci

**Berita dan Foto: Aimi Sani**

**BERAKAS**, Sabtu, 15 Disember. - Penubuhan Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) adalah pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar sentiasa menjaga kesejahteraan dan memberikan keselesaan kepada setiap jemaah haji semasa berada di Tanah Suci.

Perkara ini membuktikan betapa keprihatinan baginda mengagungkan agama Islam khususnya pada menjaga perjalanan manasik haji rakyat baginda dalam keadaan yang teratur dan selesa.

Pengarah Urusan DHSB, Haji Awang Mahmud bin Haji Mohamed menjelaskan perkara tersebut semasa ditemui di Ibu Pejabat DHSB di Airport Mall, Berakas, di sini.

Menurut beliau, pada awal penubuhannya pada tahun 1993, dengan hanya mempunyai seramai empat orang tenaga kerja sahaja, misi DHSB ditumpukan pada membantu pengurusan jemaah haji.

"Alhamdulillah dengan pengalaman yang terhad dan semangat yang padu serta kepercayaan masyarakat telah membantu menaikkan prestasi perkhidmatan DHSB sehingga bermulalah tekad dan usaha DHSB dengan memperkenalkan perkhidmatan haji secara pakej bagi mengantikan sistem muassasah."

Pada tahun 1996, DHSB diamanahkan untuk menguruskan empat buah hotel di Tanah Suci khusus bagi penginapan jemaah

haji yang mengikuti Pakej Darussalam.

Ini memberikan ilham kepada DHSB untuk melangkah setapak lagi dengan memperkenalkan perkhidmatan pakej umrah sepanjang tahun bermula pada tahun 1997," terang Haji Awang Mahmud.

Meskipun bilangan jemaah haji dihadkan mengikut kuota-kuota yang ditentukan, namun perkara tersebut tidak menjelaskan pasaran DHSB.

Malah ia memberikan kesan yang positif dengan pertambahan bilangan masyarakat Brunei berziarah ke Tanah Suci menuaikan ibadah umrah, terutama sekali di musim-musim cuti persekolahan.

Menyentuh mengenai jumlah jemaah dan peserta yang mengikuti umrah pada tahun 2018 ialah seramai 1,700 orang yang mana pada bulan Disember sahaja ada seramai 700 orang jemaah.

Beliau seterusnya menambah bahawa, melihat kepada pasaran sektor pelancongan yang semakin meningkat, pada tahun 2001, DHSB telah mengembangkan sayapnya kepada bidang pelancongan dan pengembaraan berkonsepkan pelancongan Islam (Islamic Tourism).

Perkhidmatan yang ditawarkan ujarnya, merangkumi kepada tempahan tiket-tiket penerbangan dan hotel keseluruhan dunia dan pakej-pakej melancong keluar negara dan dalam negara yang mana ini menjadikan DHSB sebagai salah sebuah ejen pelancongan yang komprehensif.

Pada masa yang sama juga berperanan membantu

mengembangkan sektor pelancongan di negara ini untuk menarik pelancong-pelancong luar negara datang berkunjung.

InsyaaAllah, usaha-usaha ke arah itu sedang dan akan terus dipertingkatkan. Inilah visi dan misi DHSB, untuk menjadi sebuah syarikat pengendali haji dan pelancongan yang terunggul dan menjadi pilihan utama di Negara Brunei Darussalam.

DHSB antara pengendali pakej haji yang utama di Negara Brunei Darussalam, dari semasa ke semasa akan sentiasa mempertingkatkan usaha ke arah pembaikan dan peningkatan perkhidmatan serta penyediaan fasilitas kepada bakal jemaah haji dan umrah.

Bermula pada tahun 2013, DHSB telah mengambil inisiatif dengan kerjasama Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama kearah penaiktarafan penempatan perkhemahan jemaah haji di padang Arafah dan Mina.

Hasil inisiatif tersebut membawa kejayaan pada memberikan lebih keselesaan beribadat semasa hari arafah dan semasa bermabit di Mina. Di samping itu, beberapa perkhidmatan tambahan untuk memberi kemudahan kepada bakal jemaah haji sepanjang keberadaan jemaah haji di kota Madinah dan Makkah, termasuklah penyediaan perkhidmatan pengeluaran kewangan dan penghantaran kargo, ceramah-ceramah serta ulangkaji daripada pegawai ugama yang terpilih dan berpengalaman.

Kini DHSB sebagai sebuah syarikat milik kerajaan yang melaksanakan tanggungjawab besar khususnya pengurusan jemaah-jemaah haji, sudah mampu berdiri kukuh dan akan terus

berkembang maju sejajar dengan saranan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu mengutamakan peluang anak-anak tempatan tanpa perlu bergantung kepada tenaga luar.

Alhamdulillah pada masa ini, tenaga kerja DHSB yang sudah berjumlah 58 orang dan merupakan seratus peratus anak-anak tempatan.

Walaupun pasaran pakej haji dan umrah semakin mencabar, untuk memberikan keyakinan dan kepercayaan para jemaah mengikuti pakej DHSB, mengambilkira semua golongan dapat mengerjakan ibadah haji dan umrah, DHSB sentiasa melihat kepada keperluan semasa termasuk penyediaan harga-harga pakej yang berpatutan mengikut kemampuan para jemaah untuk memilih.

Kepercayaan rakyat Negara Brunei Darussalam terhadap pengurusan haji DHSB adalah sangat menggalakkan. Ini terbukti dengan jumlah peratus jemaah haji yang mengikuti Pakej Darussalam pada setiap tahun adalah melebihi 70 peratus daripada jumlah koata haji yang diperuntukkan.

Salah satu kunci kejayaan tersebut adalah disebabkan keberkatan mengurus tetamu Allah, di samping pengalaman-pengalaman pengurusan haji yang kini sudah melebihi dua dekad.

Melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan DHSB sentiasa berganding bahu terus menerus, mengambil peranan penting pada menyumbang bakti kepada masyarakat terutamanya



**PENGARAH Urusan Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Haji Awang Mahmud bin Haji Mohamed.**

kepada kumpulan tertentu dan kurang berkemampuan dengan hasrat untuk memperkasa dan menaikkan lagi tahap pendapatan dan taraf kehidupan mereka.

Berbagai-bagai aktiviti CSR telah diungkayahkan, termasuklah sumbangan dan kebajikan pembangunan masyarakat, pemedulian pembelajaran, aktiviti-aktiviti keugamaan, keseimbangan alam sekitar dan juga pembangunan sukan.

Menyentuh mengenai statistik perbandingan jemaah pada tahun 2016 ialah seramai 2,048 orang, tahun 2017 seramai 1,609 orang manakala pada tahun 2018 ialah seramai 1,770 orang jemaah.

Sementara pakej-pakej yang ditawarkan sepanjang tahun ialah Pakej Umrah sembilan hari; Pakej Umrah 12 hari; Pakej Umrah 13 hari; Pakej Umrah Persendirian (F1T); Umrah Plus Cairo; Umrah Plus Istanbul dan Umrah Plus Dubai.

# Pelbagai aktiviti meriahkan Sambutan Hari Antarabangsa OKU



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman (dua, kiri) semasa merasmikan pelbagai aktiviti di Colonnade, Taman Permainan Jerudong Park sempena memperingati sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat semasa hadir pada majlis berkenaan, sementara gambar bawah, antara gerai jualan yang mengisi ruang Taman Permainan Jerudong Park.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**JERUDONG,** Sabtu, 15 Disember. - Sempena memperingati Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) yang disambut setiap 3 Disember, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam meraikan majlis sambutannya dengan mengadakan pelbagai aktiviti di Colonnade, Taman Permainan Jerudong Park (JP).

Sambutan Hari Antarabangsa OKU tahun ini juga disempennakan dengan Brunei December Festival (BDF) 2018 yang disokong oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dan ditaja oleh Cityneon Displays and Construction Sdn. Bhd. dan Jerudong Park Country Club (JPCC).

Majlis perasmianya

disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, berlangsung di Colonnade, Taman Permainan JP.

Acara dua hari ini diisikan dengan pelbagai aktiviti menarik melibatkan usahawan tempatan, restoran-restoran, sukarelawan, institusi pendidikan dan pihak-pihak yang turut sama mendukung Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Sambutan kali ini juga dimeriahkan dengan persembahan muzik oleh gabungan Pancaragam Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan nyanyian oleh beberapa artis tempatan, termasuk

penuntut dan kakitangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Antara lain, acara ini juga bertujuan untuk meraih dana untuk membayai program dan perkhidmatan bagi pembelajaran, penjagaan dan latihan perkhidmatan pemulihan bagi orang kelainan upaya di pusat berkenaan selain menanamkan kesedaran dan menarik penglibatan orang ramai dalam sama-sama membantu OKU di negara ini.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam merancang untuk menganjurkan lebih banyak lagi aktiviti bagi meraih dana (*fundraising activities*) untuk menyokong program-program di pusat tersebut, sekali gus memberikan komuniti orang kurang upaya kehidupan yang lebih bermakna dalam masyarakat.

## Latihan tingkatkan kemahiran pencegahan kebakaran



SESI demonstrasi dan latihan penggunaan yang betul alat pemadam api juga diajarkan bagi membolehkan mereka memadamkan api sebelum ketibaan anggota bomba.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Disember. - Jabatan

Awam Ibu Pejabat bersama Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'C', JBP melalui Bahagian Perhubungan

Pengosongan Bangunan (*Fire Drill*) bertempat Kem Jalan Aman pada Khamis, 13 Disember lepas.

Seramai 90 anggota dan kakitangan, Kem Jalan Aman (KJA) menyertai latihan yang objektifnya adalah untuk memastikan kesiapsiagaan

anggota sebagai faktor utama dalam menangani operasi memadam dan menyelamat.

Ia juga sebagai salah satu aktiviti tahunan KJA bagi mengesahkan keberkesanan prosedur pengosongan bangunan yang efektif dan bersistematis yang

sudah ada, selain membolehkan interaksi, kerjasama dan menguatkan perhubungan di antara JBP dan KJA.

Antara pengisian aktiviti termasuklah latihan pengosongan yang dijalankan di seluruh kawasan kem bangunan tersebut bersama sembilan anggota dan dua buah jentera dari Balai Bomba Lambak yang diketuai oleh Penolong Pegawai Balai, Awang Haji Wahab bin Wahid.

Sesi demonstrasi dan latihan penggunaan yang betul alat pemadam api juga diajarkan bagi membolehkan mereka memadamkan api sebelum ketibaan anggota bomba.

JBP menyarankan dan menasihatkan orang ramai agar sentiasa meningkatkan pengetahuan berkaitan pencegahan kebakaran, tidak berasa cemas sekiranya berlaku sebarang kecemasan dan menghubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dengan memberikan maklumat yang tepat, di samping itu meningkatkan kewaspadaan dan mengambil langkah-langkah keselamatan semasa cuaca tidak menentu.

# Pesta Makanan 2018 berakhir 30 Disember



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peniaga (kiri), sementara gambar kanan, Pengiran Haji Kamalrudzaman melawat tapak-tapak Pesta Makanan (Food Fest) 2018.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Disember. - Sempena Brunei December Festival (BDF) 2018, AIZ Event Management dan Syarikat Nur Badiah Event Management menganjurkan Pesta Makanan (Food Fest) 2018 di Dermaga Diraja, di sini.

Perasmian Food Fest tersebut

disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan lawatan ke petak-petak pameran dan

jualan serta penyampaian sijil penghargaan kepada para peniaga.

Pesta Makanan tersebut akan berlangsung hingga 30 Disember depan dan merupakan sebagai salah satu inisiatif bagi mempromosikan percutian dalam negara serta menarik pelancong

luar negara untuk menikmati pelbagai acara yang disediakan sepanjang bulan Disember ini.

Dengan adanya pesta seumpamanya orang ramai dan

masyarakat setempat serta para pelancong boleh menikmati pelbagai makanan pilihan sambil menikmati keindahan Bandar Seri Begawan bersama keluarga.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

## Pemasangan papan tanda kamera had laju : Tingkat tahap keselamatan, kepekaan pengguna jalan raya



KETUA Kampung Lugu dan Katimahar, Awang Salim bin Adi semasa ditemui bual.

DAYANG Ani Khan binti Md. Jasni Khan dari Jabatan Penjara semasa ditemui bual.

**SENGKURONG,** Sabtu, 15 Disember. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) menerusi siaran

akhbarnya baru-baru ini memaklumkan kepada orang ramai, khususnya pemandu dan pengguna jalan raya di negara ini

bahawa 12 papan tanda kamera had laju dipasang di beberapa kawasan jalan raya yang terpilih.

Pemasangan papan tanda kamera had laju tersebut adalah antara pendekatan MKKJR untuk menambah baik kaedah peringatan kepada orang ramai, demi meningkatkan tahap keselamatan dan kepekaan pengguna jalan raya.

Kenyataan itu turut diperakui oleh Ketua Kampung Lugu dan Katimahar, Awang Salim bin Haji Adi ketika ditemui bual Pelita Brunei, antara lain menjelaskan, pada dasarnya dengan usaha pihak-pihak dan agensi-agensi yang berkeraan memasang papan tanda kamera had laju berkeraan adalah satu langkah yang wajar.

Melalui usaha sebegini terangnya akan dapat memberikan kesedaran kepada para pengguna jalan raya untuk lebih berhemah dan proaktif ketika memandu dengan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan.

Ini kerana tambahnya, dengan jumlah kemalangan yang semakin meningkat, maka adalah perlu usaha sebegini diperkenalkan sebagai satu mekanisme untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.

"Selain itu, ia juga sebagai salah satu usaha pihak kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan untuk menyadarkan masyarakat betapa pentingnya keselamatan di jalan raya itu, bukan hanya untuk dilaksanakan oleh satu pihak sahaja, malah juga kerjasama semua, termasuk pihak pengguna jalan raya itu sendiri untuk melaksanakannya dan mengaplikasi dalam rutin seharian," jelasnya.

Namun terangnya lagi, usaha-usaha seumpama ini dan sebagainya perlulah sentiasa dipantau oleh pihak-pihak berkeraan akan keberkesanannya dari semasa ke semasa.

Menjelaskan mengenai saranan beliau kepada para pengguna jalan raya, Awang Salim bin Haji Adi menyarankan agar para pengguna jalan raya untuk sentiasa mematuhi sebarang peraturan yang

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad

ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa, memandu dengan cermat dengan mengutamakan keselamatan seperti memakai tali pinggang kaledar, memeriksa kenderaan agar ia dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan, jangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu, tingkatkan kewaspadaan semasa di jalan raya dan amalkan sikap hormat-menghormati dengan pengguna jalan raya lain.

Sementara menurut Dayang Ani Khan binti Md. Jasni Khan pula, usaha pemasangan papan tanda kamera had laju ini merupakan satu perkara yang masih baharu dan asing di negara kita, namun ia amatlah wajar untuk diterapkan dan diguna pakai dalam memantau tahap keselamatan di jalan raya di negara kita terutama untuk memberikan kesedaran kepada pengguna jalan raya yang sering memandu melebihi had laju yang ditetapkan.

"Memandu dengan melebihi had laju adalah satu perkara yang amat membimbangkan, jika sekiranya pemandu berkenaan terlibat dengan kemalangan, ia boleh sahaja membahayakan pengguna jalan raya yang lain dan mungkin sahaja tindakan pemandu yang memandu laju itu turut menyebabkan kematian," ujarnya.

Daripada itu tambahnya lagi, adalah wajar perkara sebegini untuk ditangani bagi

mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya, selain untuk mendidik pengguna jalan raya untuk lebih berhemah ketika memandu juga memupuk kesedaran dalam mengutamakan keselamatan di jalan raya.

Beliau juga menasihatkan orang ramai, khususnya para pemandu untuk mematuhi peraturan had laju ini, bukan sahaja di kawasan-kawasan terpilih di atas, tetapi juga di kawasan-kawasan lain seluruh negara demi keselamatan semua pengguna jalan raya. Ini kerana keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab semua dan bersama.

Untuk makluman orang ramai, semua papan tanda tersebut telah siap dipasang pada 4 Disember lalu dan akan digunakan serta-merta dengan penguatkuasaannya menggunakan kamera tangkap laju yang sedia ada, juga kaedah-kaedah teknologi lain yang akan diperkenalkan secara berperingkat oleh agensi-agensi penguat kuasa.

Pemasangan papan tanda kamera had laju ini adalah salah satu lagi langkah cegahan (deterrent) yang dilaksanakan oleh MKKJR bersama agensi-agensi yang berkenaan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan jalan raya juga kesedaran pengguna jalan raya, khusus bagi menangani isu-isu pemandu yang memandu melebihi had laju.



SALAH satu daripada 12 papan tanda kamera had laju di sepanjang jalan Lebuhraya Jerudong menuju ke jalan masuk Perumahan Negara Lugu.

## Tawaran Lesen Agensi Pekerjaan kini dibuka

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Disember. - Jabatan Buruh telah membuka tawaran untuk mendapatkan Lesen Agensi Pekerjaan (Kategori A sahaja) sehingga 31 Januari 2019, jam 3.30 petang.

Mana-mana pihak yang berminat hendaklah menghadapkan borang permohonan berserta dokumen-dokumen yang diperlukan ke Kaunter Unit Agensi Pekerjaan, Tingkat 1, Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

Antara syarat-syarat permohonan adalah pemohon / pemilik / rakan kongsi hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap sahaja; borang permohonan hendaklah

diisi lengkap dengan dokumen-dokumen diperlukan termasuk kertas kerja mengenai agensi pekerjaan dan profil syarikat, perkhidmatan yang ditawarkan serta harga yang dikenakan untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut; harga keseluruhan bagi memproses / mendatangkan pekerja asing hendaklah tidak melebihi BND1,500 bagi seorang pekerja dan lain-lain termasuk syarat (sila rujuk borang untuk maklumat lanjut).

Borang permohonan bolehlah dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Buruh di [www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn) ataupun menghubungi Bahagian Piawaian Perburuhan dan Agensi Pekerjaan, Jabatan Buruh melalui talian +673 2380256 sambungan 2102.

# Rombongan Perhimpunan Pengakap Kelana lawat PPDB



Siaran Akbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

**GADONG**, Sabtu, 15 Disember. - Rombongan Perhimpunan Pengakap Kelana ASEAN Kali Pertama 2018 (1st ASEAN Rover Moot 2018 - 1st ARM) mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Gadong.

Rombongan yang disertai seramai 41 perwakilan Pengakap Kelana yang terdiri daripada negara-negara ASEAN itu diketuai oleh Pemangku Pesuruhjaya Pengakap Daerah Tutong, ACP (B) Haji Murad bin Haji Abdul Hadi.

Lawatan tersebut dimuatkan dengan taklimat mengenai sejarah PPDB serta perkembangannya yang diadakan di Bilik Auditorium, Ibu Pejabat Polis berkenaan.

Rombongan kemudian dibawa ke Pusat Latihan Polis bagi menyaksikan latihan kursus motosikal yang dikendalikan oleh Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) serta diakhiri dengan lawatan ke Pameran Muzium Polis PPDB.

**ROMBONGAN** Perhimpunan Pengakap Kelana ASEAN Kali Pertama 2018 (1st ASEAN Rover Moot 2018 - 1st ARM) bergambar ramai bersama Pasukan Polis Diraja Brunei.

## HALUAN

# Galakkan penjagaan mata

### Dari muka 2

Walau bagaimanapun, pencapaian pencapaian Kementerian Kesihatan yang kita saksikan pada masa kini tidak dapat diperoleh jika tidak dilengkapi dengan adanya penambahan serta penempatan para profesional kesihatan, seperti pakar-pakar dan pegawai perubatan, jururawat-jururawat dan Profesional Kesihatan Bersekutu yang berpendidikan, berpengalaman dan berkemahiran tinggi. Ini juga merupakan salah satu aspek pelaksanaan liputan kesihatan sejagat (Universal Health Coverage) di negara ini, yang mana telah menyaksikan bertambahnya perkhidmatan-perkhidmatan dan kepakaran-kepakaran yang boleh didapati di dalam negeri dan berkurangnya keperluan bagi rakyat dan penduduk negara ini untuk dihantar bagi rawatan selanjutnya ke luar negara. Antara lain, jumlah profesional dalam bidang penjagaan mata telah meningkat pada 5 tahun kebelakangan dengan penambahan 4 Ophthalmologists termasuk dua pakar tempatan dan lima Optometrists jika dibandingkan dengan jumlah profesional pada tahun 2012. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan kepada semua warga Kementerian Kesihatan untuk sama-sama berusaha menyerapkan

tema tahun ini, iaitu 'Eyecare, Everywhere' untuk menggalakkan penjagaan mata yang tidak mempunyai sempadan dan merangkumi seluruh masyarakat. InsyaaAllah, ini meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan dan akan secara langsung membantu kita dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin demi memperbaiki lagi kualiti perkhidmatan ke arah yang lebih produktif dan cemerlang.

Akhirnya bagi mengakhiri ucapan saya pada majlis sambutan pagi ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada ahli-ahli jawatankuasa pengajur dan semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Majlis Sambutan Hari Penglihatan Sedunia 2018. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan melafazkan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Hari Penglihatan Sedunia 2018.



# LENSA

*Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?*

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : **pelita.brunei@information.gov.bn**
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

- 1) 'Kereta' - Tarikh Tutup : 22 Disember 2018
  - 2) 'Bersekolah' - Tarikh Tutup : 12 Januari 2019
  - 3) 'Air' - Tarikh Tutup : 26 Januari 2019
- Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



# Tingkat pengetahuan belia mengenai perlindungan sosial



TABUNG Amanah Pekerja (TAP) ketika mengadakan Youth Call yang diadakan di Dewan Silaturahim, Pusat Belia, di ibu negara.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah mengadakan Program Pendekatan bersama Belia, iaitu 'Youth Call' yang diadakan di Dewan Silaturahim, Pusat Belia, di ibu negara.

Program tersebut merupakan salah satu usaha TAP dalam menyokong hasrat negara untuk merealisasikan salah satu Wawasan Brunei 2035 dalam membantu rakyat mencapai kehidupan yang berkualiti.

Pada masa yang sama, TAP juga



YOUTH Call juga disertai oleh para belia yang sebahagiannya daripada penuntut-penuntut pengajian tinggi dan juga belia dari pelbagai pertubuhan bukan kerajaan.

**MINDA PEMBACA**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Pertanian Berpotensi Jana Pendapatan Lumayan'. Tarikh Tutup : 19 Disember 2018
2. 'Langkah Untuk Membendung Gejala Rasuah'. Tarikh Tutup : 26 Disember 2018
3. 'Program Khidmat Bakti Negara Betuk Belia Cemerlang'. Tarikh Tutup : 2 Januari 2019

**Termasuk Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
Babagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

*Menangi*  
**BND75**  
*Setiap Minggu*

Siaran Akbar dan Foto :  
Tabung Amanah Pekerja

berhasrat agar program itu dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran para belia dalam kepentingan perlindungan sosial untuk persediaan awal hari tua.

'Youth Call' yang diadakan selama sehari itu disertai oleh para belia yang sebahagiannya daripada penuntut-penuntut pengajian tinggi dan juga belia dari pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (Non-Governmental Organisation - NGOs).

Antara pengisian di dalam program tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kepentingan perlindungan sosial dalam kalangan masyarakat serta menitikberatkan kepentingan persediaan awal khususnya berkaitan dengan persaraan.

Dengan adanya penglibatan para belia tersebut, mereka dapat membantu dalam memberikan sumbangan kepada usaha perlindungan sosial masyarakat.

Program berkenaan yang diadakan buat pertama kali oleh TAP akan diteruskan lagi pada tahun yang akan datang dengan siri selanjutnya.

# PUISI

Hantarkan puisi awda ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

## PILIH JALAN YANG BAIK

Kau yang ku kenal  
Penampilan mu cikar dan gerini  
Tidak goyah ketika kehadiran mu di majlis adat beradat  
Kau layak duduk di tengah-tengah masyarakat bangsawan  
Wajah mu membawa rezeki kebahagiaan dan kekayaan materialisasi  
Kalau ada cita-cita murni teruskan  
Kau pasti berjaya  
Orang-orang akan awar dan galat  
Kehebatan dan personaliti mu, mereka akan malu dan tunduk  
Mereka tidak akan angkat suara, kau lain dari yang lain

Rezeki mu di mana-mana  
Jika ada cabaran  
Jangan mudah mengalah mengejar impian  
Tujuan harus berterusan  
Jati diri, kau keturunan baik-baik dan dari calak yang baik  
Jaga nama baik jangan dicemarkan  
Bersopan santun berbudi bahasa  
Jangan sompong dan bombastik  
Wajah dan gerak geri mu cukup menggambarkan  
Jejaka tampan dan laku di mana-mana saja  
Jujur tulus dan ikhlas cukup menundukkan segala rintangan  
Asalkan berusaha rajin bekerja dan beramal  
Pembawaan hidup yang tidak membosankan  
Nyaman mata memandang  
Prinsip hidup yang melengkap  
Gaya segak tutur bahasa indah dan teratur  
Mencari kemewahan jangan lupa mengingati kematian  
Senantiasa mengingati Maha Pencipta  
Dunia hanya pinjaman ... hidup kita sementara  
Kita berdepan dunia yang mencabar kehidupan dan kemajuan  
Tidak diketahui saat bila dunia akan menutup tirainya

Dunia sudah senja Nabi kita akhir zaman  
Tiada ada lagi Nabi selepas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam  
Tanah Arab kini sudah subur dengan tanaman hijau  
Gunung-gunung sudah ditebuk dijadikan terowong  
Tembus-menembus dari pangkal terus ke hujung  
Bangunan sudah tinggi mencakar langit  
Sabda Nabi Muhammad itulah tiga perkara yang diutarakan  
Bermakna hari atau dunia sudah hampir kiamat, dan  
Langit tidak lama lagi tergulung, di saat ini  
Alam dan masyarakat tidak lagi aman

Banyak dugaan  
Banyak cabaran  
Pencuri, penyamun, perompak dan pembunuhan  
Mereka tidak endahkan larangan ugama  
Banyak yang sudah murtad  
Perang di sana sini  
Dengki, fitnah, perosak, penipu, pembohong dan munafik  
Berlumba-lumba mencari kekayaan  
Yang haram dihalalkan, yang halal diharamkan  
Berhati-hati jangan sampai teperangkap dengan dakyah palsu  
Dari yang baik menjadi jahat  
Tetapkan iman kuatkan ibadah  
Jangan silap langkah untuk menuju ke ambang  
Pintu ke neraka jahanam.

Hj. Mat Noor Matussin @ Sagap  
6.12.2018



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

### PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 81/12/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN:** 17 DISEMBER 2018

**TARIKH TUTUP:** 31 DISEMBER 2018

#### 1. PEMBANTU PERTANIAN KANAN

C.2 EB.3

BAHAGIAN III

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

#### 2. JURUTEKNIK PROJEKTOR

D.3 EB.4-5

BAHAGIAN IV

PUSAT DAKWAH ISLAMIAH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

#### 3. MERINYU BANDARAN

D.1-2-3 EB.4-5

BAHAGIAN IV

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

#### 4. TUKANG PELAN KANAN

C.2 EB.3

BAHAGIAN III

JABATAN-JABATAN KERAJAAN

**KEKOSONGAN = TIGA (03)**

### PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 89/2018 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan **pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam** Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN:** 17 DISEMBER 2018

**TARIKH TUTUP:** 07 JANUARI 2019

#### 1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN

KUMPULAN 2

BAHAGIAN I

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

#### UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Announcement di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

#### HELPLINE:



TALIAN DARUSSALAM 123



**THE UN Young Professionals Programme (YPP)** ialah ujian kemasukan bagi bakal profesional muda untuk memulakan karier sebagai penjawat awam antarabangsa di dalam Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pada tahun 2018, Negara Brunei Darussalam termasuk daripada 65 negara Ahli PBB dijemput bagi menyertai YPP.

Pada 2018, ujian kemasukan akan diadakan secara *online* dan meliputi rangkaian-rangkaian kerja berikut :

#### I) Security Affairs

Warganegara Brunei Darussalam yang mempunyai kelulusan peringkat Sarjana Muda atau sekurang-kurangnya kelulusan peringkat ijazah tiga (3) tahun pengajian sebanding dengannya yang relevan pada bidang tersebut di atas, berumur 32 tahun atau ke bawah; fasih berbahasa Inggeris dan / atau Perancis adalah sangat digalakkan untuk memohon.

Permohonan-permohonan akan diterima oleh Sekretariat PBB bermula dari **25 Oktober** hingga **23 Disember 2018** melalui *online recruitment platform* : [careers.un.org](http://careers.un.org)

Bagi maklumat lanjut mengenai 2018 Young Professionals Programme, sila layari laman sesawang : [careers.un.org/ypp](http://careers.un.org/ypp) dan mengikuti sosial media UN Careers.



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### 1. JAWATAN : PENGAWAL KESELAMATAN BERGAJI HARI

Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin dan jenayah bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dan mengemukakan nama dua (2) orang *referral* yang dikenali lebih lima (5) tahun.

c) Hendaklah berusia 25 tahun dan tidak melebihi 45 tahun.

### 7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- a) Menjaga keselamatan ahli kelab, kakitangan dan orang ramai dalam kawasan yang dikawal.
- b) Menjaga kawasan daripada dicerobohi serta mengelak daripada berlakunya sebarang jenayah dalam kawasan yang dikawal.
- c) Menjaga pintu keluar dan masuk laluan utama dan pintu-pintu masuk yang lain.
- d) Menjalankan rondaan rutin setiap 30 minit sekali dan bila-bila masa diperlukan.
- e) Menghasilkhan laporan rondaan atau kejadian ke dalam Buku Siang Malam.
- f) Melaporkan kejadian yang mencurigakan kepada Pengurus.
- g) Melaporkan kehilangan peralatan, perkakas dan perabot kepada Pengurus secara lisan dan bertulis.
- h) Memastikan dan memeriksa semua asset kekal, harta benda mudah alih kelab dalam

### 8. KRITERIA :

- a) Sihat fizikal dan mental.
- b) Berfikiran positif.
- c) Berpenampilan kemas.
- d) Jujur dan amanah.
- e) Menepati dan menghormati waktu-waktu bekerja.
- f) Berdisiplin tinggi.
- g) Tegas dan berpendirian.
- h) Tidak mempunyai rekod jenayah.
- i) Faham tugas dan tanggungjawab.

Permohonan hendaklah dihadapkan berserta dengan *Curriculum Vitae* (CV), salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kelulusan kepada :

**Pengarah Pembangunan dan Pengurusan Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Awam Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup : Selasa, 18 Disember 2018,  
jam 12.00 Tengah Hari.

ii) Pernah berkhidmat dengan kerajaan atau dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Polis Diraja Brunei (PDB) dan sebagainya tidak kurang daripada lima (5) tahun.

**ATAU**

# Bersama menjaga kebersihan pantai

**Kembali bersama masyarakat, sokong komitmen negara**



PENOLONG Naib Canselor Hal Ehwal Akademik UBD, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra (tengah) semasa hadir pada projek pembersihan kawasan pantai dan dalam air di kawasan Pantai Serasa bagi memperingati Hari Sukarelawan Antarabangsa 2018.

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad**

SERASA, Ahad, 16 Disember. - Bagi memperingati Hari Sukarelawan Antarabangsa 2018, Persatuan Mahasiswa Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) dengan kolaborasi Kelab Ragbi UBD; Sekolah Perniagaan UBD dan Majlis Pelajar Ekonomi (UBD SBESC) serta Kelab Poni Divers Club telah mengambil inisiatif mengendalikan projek pembersihan kawasan pantai dan dalam air di kawasan Pantai Serasa.

Projek yang bertemakan 'Pemuliharaan Pantai' ini juga merupakan kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan disokong oleh syarikat tempatan, Total E & P Brunei, Nur Wanita, Riza Printing dan Redbull.

Tetamu kehormat, Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Akademik UBD, Pengiran

Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra semasa berucap antara lain melahirkan kegembiraan pada melihat generasi muda yang majoriti para siswa dan sisi UBD melangkah keluar dari zon selesa, iaitu dari kelas mereka dengan membina hubungan, mencari jalan untuk kembali kepada masyarakat dan memberikan komitmen dan sokongan kepada negara.

Beliau juga menegaskan akan tanggungjawab dan kewajipan kita sebagai penduduk negara ini untuk memastikan persekitaran yang bersih.

Terdahulu, Pengurus Majlis, Dayang Nur Afiqah binti Haji Mamit menyatakan bahawa untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, inisiatif ini dapat menyumbang kepada aspek peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat setempat

tentang kepentingan memelihara ekosistem marin dan keprihatinan terhadap isu-isu alam sekitar.

Seramai 148 sukarelawan mengambil bahagian dalam aktiviti sehari itu.

Aktiviti Kempen Kebersihan juga diselitkan dengan ceramah pendidikan disampaikan oleh Dive Master of the Poni Divers Club, Thomas Kusch; aktiviti pembinaan pasukan yang dianjurkan oleh Kelab Ragbi UBD dan UBD SBESC diikuti aktiviti pembersihan Pantai Serasa di mana para peserta dibahagikan kepada pasukan pembersihan pantai dan pembersihan di dalam air.

Penyertaan pembersihan di dalam air adalah terhad kepada penyelam yang diiktiraf sahaja.

Melalui acara seumpama ini, pihak pengajur berharap akan dapat meningkatkan lagi kesedaran mengenai kepentingan penjagaan ekosistem marin.



ANTARA warga kerja termasuk pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB) yang menyertai aktiviti Riadah dan Kempen Kebersihan Pantai Serasa bersempena Hari Sukarelawan Antarabangsa 2018.

**Berita dan Foto :**  
**Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad**

SERASA, Ahad, 16 Disember. - Kira-kira 120 warga kerja termasuk pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB) hari ini menyertai aktiviti Riadah dan Kempen Kebersihan Pantai Serasa bersempena Hari Sukarelawan Antarabangsa 2018.

Pemangku Penolong Pengarah, Awang Haswandi bin Haji Osman yang juga selaku Ketua PPB ketika ditemui di sini berkata, program yang diadakan merupakan aktiviti bagi para pelatih sesi Julai 2018 sebelum menamatkan kursus mereka nanti.

Katanya, aktiviti yang diselenggarakan PPB melalui Program Pembangunan Diri ini dihasratkan bagi menanamkan sikap bekerjasama dalam kerja-kerja kemasyarakatan ke arah bersama menjaga kebersihan termasuk pantai, yang menjadi destinasi riadah sama ada penduduk tempatan maupun pelancong luar negara.

Selain itu, jelasnya, para pelatih juga dapat mendisiplinkan diri dan aktif dalam kerja-kerja kesukarelawanan, kemasyarakatan dan sebagainya.

Saranan Awang Haswandi bagi para pelatih yang akan menjalani sesi pembelajaran selama berada di PPB akan dapat diperaktikkan semasa dalam penempatan kerja selama enam bulan yang telah ditetapkan ke agensi-agensi berkenaan.

Tambahnya, kira-kira 70 peratus pengambilan para pelatih sebelum ini telah berjaya mendapatkan pekerjaan, termasuk melanjutkan pelajaran serta berkecimpung dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan.

Berhubung dengan pengambilan pelatih baharu dalam pertengahan Januari tahun hadapan jelasnya, pihaknya sedang melaksanakan penilaian bagi kemasukan 100 pelatih dengan 10 tawaran kursus yang disediakan.

## Koleksi Mickey Mouse Disney dilancarkan



**Berita dan Foto :**  
**Saerah Haji Abdul Ghani**

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Disember. - Koleksi Mickey Mouse Disney merupakan jenama yang diminati ramai dan mampu menarik hati penggemar sejak dahulu, sama ada dari kalangan kanak-kanak maupun dewasa.

Bossini petang tadi melancarkan Koleksi Mickey Mouse Disney dengan pelbagai fesyen pakaian menarik bagi kanak-kanak dan dewasa, yang dihiasi dengan karakter kartun Disney, Mickey dan Minnie Mouse berlangsung di Bossini Mabohai Shopping Complex, di sini.

Sehubungan itu, pelajar-pelajar Pusat Ehsan Al-Hajjah Maryam yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan membuat poster pada 25 November lalu menerima hadiah penghargaan dari Bossini dan Best Eastern Bookstore.

Terdapat pelbagai aktiviti sampingan diadakan seperti DIY Craft Clock dan permainan, iaitu Memory Master Game dan Hidden Mickey Treasure Hunt di mana kanak-kanak yang menemukan Golden Mickey Mouse telah memenangi hadiah istimewa berupa anak patung Mickey Mouse.

Bossini teruja menampilkan koleksi Mickey Mouse Disney secara rasmi kepada peminat dan penggemar di Brunei kerana Mickey Mouse Disney merupakan watak yang paling popular.

KOLEKSI Mickey Mouse Disney dengan pelbagai fesyen pakaian menarik bagi kanak-kanak dan dewasa, yang dihiasi dengan karakter kartun Disney, Mickey dan Minnie Mouse.

# سروان سوسي

## منجاك كبرسيهن تونتوتن أكام

مسلمين يغدر رحمة الله،  
كيرسيهن اداله ساعده دنوتونت دادلم إسلام ياكني موجودون دان سواسان  
دان كادأن يغدر برسيه سرت مغهيدنركن ديري درقد فلياكي ثباكت اوله يغ  
دمكين، سموا فيقه هندقله ترايلست دان بكرحاص دالم فتحكان كيرسيهن اون  
يابات دعن مبودايان肯 عمالن كيرسيهن دان كصيحن دالم كهيدوفن سهارين،  
ادقون مبودايان肯 عمالن هيدوف برسيه اين فرلو دقوفون برمولا دري رومه،  
اوله ايت، إيبوباف هندقله منديدين دان ميمبيع انق ۲ سحق دري كجبل  
لاكي، التارا عمالن يغ بوله دجوتوكهن اوله إيبوباف كفت ألق ۲ مريث دالم  
مفركينكن عمالن كيرسيهن دان منديدين انق ۲ انوق هيادوف برديكاري  
إياله سقرت ملاطيه دان مقاچق انق ۲ انوق سام ۲ ميرسيهن كاومن دالم دان  
لوار رومه سقرت متوجهي قويشع، مباوه، مغوتيف متفهه سارف، ميرسيهن  
لوشكخ دان سالوان أير، موتونغ رومقوه رومقعي دهالامن دان سياكتين.

لبه ۲ لاكي دموسيم جوني فرسوكوهن اين، اي اداله وقت يغ امة  
بسواي انوق ملاكوكن أكبيتني كيمقين كيرسيهن اتو موجع-موجع، عمالن  
كيمقين كيرسيهن دان موجع-موجع اين بولله دلارتكن كمسجد-مسجد،  
كاوسن مقيم دان كمحقوع، متفهه رياضه دان تقة ۲ عوام، اووها موجع-موجع  
سقرت اين هندقله دتروسكن ديري سماس كسماس انوق هيري كسدلن كفت  
مشاركة دان اورغ رامي تتبع فتنين كيرسيهن دعن معمكلن اكبيتني ساومقام  
اين، داقه ملاهيركن جزاري قواه يغ صيحة، جركس دان جردن سرت  
برغوكوشجواب دالم منجاك كيرسيهن ساد تراهادف ديري ستديري، كلوارك،  
مشاركة دان تكارا.

أخرين، ماريله كفت جاديكن عمالن منجاك كيرسيهن سياكتي بوديا  
دام كهيدوفن سهارين، مادهداهن دعن معمكلن كيرسيهن دالم كهيدوفن  
كفت، نكارا بروني دارالسلام منجادي سبواه نكارا يغ برسيه دان بيس  
درقد كوكوتوران دان سبارغ فباكت، سام-سامله كفت برداعه سموك الله  
سبحانه وتعالى ستياس منجاديكن كفت اورغ ۲ يغ ستياس برتوبة،  
منسوجيكن ديري دان منجاديكن كفت هميـان ۲ يغ ستياس مغراجاك  
عمالن صالح دان بركميـن، آمين يا رب العالمين.

**أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ**  
**قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا ③ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ③ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ**  
**{ سورة الشمس آية ۱۰-۹ }**

تفسير:

سسغوكوهن برجايله اورغ يغ منجاديكن ديرين يغ سديا برسيه برغميه-  
تمبه برسيه دعن إيمان دان عمل كبحيـن، دان سسغوكوهن همقـاله اورغ يغ  
منجاديـن ديرين يغ سديا برسـيه ايت سوسـوت دان تـربـمـ كـيرـسيـهـنـ دـعـنـ  
سبـبـ كـوكـوتـورـانـ معـصـيـهـ.  
بارـكـ اللهـ لـناـ فـيـ الـقـرـآنـ الـعـظـيـمـ، وـتـفـعـنـ بـالـآـيـاتـ وـالـذـكـرـ الـحـكـيـمـ، وـتـقـبـلـ مـنـاـ  
تـلـاؤـتـهـ إـنـهـ هـوـ السـيـسـيـعـ الـعـلـيـمـ، وـأـسـتـغـفـرـ اللهـ الـعـظـيـمـ لـيـ وـلـكـمـ وـلـسـائـرـ الـمـسـلـمـيـنـ  
وـالـمـسـلـمـاتـ وـالـمـؤـمـنـاتـ وـالـمـؤـمـنـاتـ فـاـسـتـغـفـرـوـهـ فـيـاـ فـوـزـ الـمـسـتـغـفـرـيـنـ وـيـالـخـاـةـ  
الـثـانـيـنـ.

ماريله كفت برتقـويـ كـحـضـرـةـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـعـالـىـ دـانـ كـلـيـاتـ كـفـلـانـ كـفـلـانـ  
دـعنـ مـاتـوـهـيـ سـكـلـ سـوـرـوـهـنـ دـانـ مـيـغـلـكـنـ سـكـلـ لـارـغـنـ، دـعنـ بـرـيـكـلـكـنـ  
إـيمـانـ دـانـ تـقـوـيـ اـيـتـ، مـادـهـدـاهـنـ كـيـتـ سـتـيـاسـ سـلـامـهـ دـدـنـيـاـ دـانـ سـلـامـهـ دـاخـلـهـ،  
سـمـوـكـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـعـالـىـ تـرـوـسـ مـنـقـكـنـ دـانـ مـيـغـكـنـ دـانـ كـيـامـانـ دـانـ كـنـقـوـانـ  
كـيـتـ هـيـغـلـ كـأـخـيـرـ حـيـاةـ،

مسلمين يغ در رحمة الله،  
أكام إسلام ساعـهـ مـيـتـيـعـكـنـ كـيرـسيـهـنـ دـالـمـ سـوـاـ أـسـقـيـكـ دـهـيـدـوـفـنـ حـمـادـ  
كـيرـسيـهـنـ دـيرـيـ، كـلـوارـكـ، مـقـهـهـ تـيـغـلـكـلـ، مـقـهـهـ بـرـعـبـادـهـ، مـقـهـهـ عـوـامـ دـانـ سـيـاـكـينـ.  
يـاكـيـ منـجـاكـ كـيرـسيـهـنـ دـيرـيـ، كـيـتـ بـوـكـنـ سـنـاـكـهـ دـفـيـتـيـهـنـ آـنـتـوـقـ منـجـاكـ  
كـيرـسيـهـنـ لـوـارـانـ سـهـاـجـ آـكـنـ تـنـافـيـ مـغـرـكـومـيـ كـيرـسيـهـنـ هـاتـيـ دـعنـ منـجـاـهـيـ  
صـفـةـ ۲ـ مـلـمـوـمـهـ (ـصـفـةـ ۲ـ تـرـجـلـاـ)ـ سـقـرـتـ حـسـدـ دـغـكـيـ، سـوـمـيـوـشـ، بـعـكـاـ دـيرـيـ،  
رـيـاءـ دـانـ سـأـوـمـقـمانـ.

ملـلـوـعـيـ كـيرـسيـهـنـ هـاتـيـ اـتـوـ روـحـاـيـ، ايـ بـولـهـ منـجـادـيـكـنـ كـيـتـ إـسـلـانـ  
يـغـ بـرـاحـلـاـقـ مـلـيـاـ دـانـ تـرـفـوـجـيـ، مـنـكـلـ منـجـاكـ كـيرـسيـهـنـ حـسـمـانـيـ فـولـ بـولـهـ  
مـفـهـيـلـرـكـنـ دـيرـيـ كـيـتـ درـقدـ مـنـدـافـهـ فـيـاـكـتـ، اـيـنـ كـرـانـ كـكـوـتـورـانـ اـيـتـ  
مـرـوـفـاـكـنـ سـالـهـ سـاـلـوـ اـنـلـارـاـ فـيـلـخـاـ دـانـ فـيـبـ تـرـجـادـيـنـ فـيـاـكـتـ، اـوـلـهـ اـيـتـ  
دـانـ جـسـمـانـيـ، سـبـداـ رـسـوـلـ اللهـ صـلـىـ اللهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ:  
عـنـ أـبـيـ مـالـكـ الـأـشـعـرـيـ قـالـ: قـالـ رـسـوـلـ اللهـ صـلـىـ اللهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ:  
الـطـهـرـ شـطـرـ الـإـيمـانـ {ـ رـوـاهـ الـإـمـامـ مـسـلـمـ }

مقصوده:  
درقد أبو مالك الأشعري برـكـاتـ: بـرسـداـ رـسـوـلـ اللهـ صـلـىـ اللهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ:  
وـسـلـمـ: كـيرـسيـهـنـ اـيـتـ سـيـهاـكـنـ درـقدـ لـيـانـ.

سسـغـوكـوهـنـ كـيرـسيـهـنـ اـدـالـهـ شـرـطـ أـوتـامـ دـالـمـ مـلـاـكـوـكـنـ عـبـادـهـ كـفتـ الـهـ  
سبـحـانـهـ وـتعـالـىـ، سـيـاـكـيـ جـنـتـوـهـ، سـيـلـوـ مـنـنـيـكـنـ سـيـهـيـعـ، كـيـتـ هـندـقـلـهـ  
مـنـسـوـجـيـكـنـ دـيرـيـ درـقدـ سـكـلـ كـكـوـتـورـانـ دـانـ دـواـجـكـنـ بـرـوـضـوـهـ، رـسـوـلـ اللهـ  
صلـىـ اللهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ بـرسـداـ:

عـنـ أـبـيـ هـرـيـةـ رـضـيـ اللهـ عـنـهـ، أـنـ رـسـوـلـ اللهـ صـلـىـ اللهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ قـالـ:  
أـرـأـيـتـ لـوـ أـنـ نـهـرـاـ يـنـابـ أـخـدـمـ يـقـسـلـ وـمـنـهـ كـلـ يـوـمـ حـمـسـ مـرـاتـ؟  
هـلـ يـبـقـيـ مـنـ ذـرـيـهـ شـيـءـ؟ـ.ـ قـالـوـ: لـاـ يـبـقـيـ مـنـ ذـرـيـهـ شـيـءــ.ـ قـالـ: فـذـلـكـ مـثـلـ  
الـصـلـوـاتـ الـحـسـنـ يـخـوـ اللهـ بـهـنـ الـحـطـاـيـاـ {ـ رـوـاهـ الـإـمـامـ التـمـذـيـ }

مقصوده:  
درقد أبو هـرـيـةـ رـضـيـ اللهـ عـنـهـ اـيـ برـكـاتـ: اـكـوـ فـرـنـهـ مـنـدـغـرـ رـسـوـلـ اللهـ  
صلـىـ اللهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ بـرسـداـ: باـكـيـانـ فـنـدـافـهـ كـامـوـ كـالـوـ اـدـ سـيـانـ سـوـغـيـ  
دـهـادـقـنـ فـيـنـتـوـ رـوـمـ سـالـهـ سـتـورـغـ دـريـ كـامـوـ، دـيـ مـنـدـيـ دـالـلـمـ لـيـمـ كـالـيـ  
تـيـفـ ۲ـ هـارـيـ؟ـ أـداـكـهـ مـاسـيـهـ تـيـغـلـكـلـ كـوـتـورـنـ قـدـ تـوـبـوـهـ؟ـ فـارـاـ صـحـابـهـ  
منـجـاـهـ: سـوـدـهـ تـنـتـوـ تـيـدـقـ تـيـغـلـكـلـ سـسـوـاتـ قـوـنـ درـقدـ كـوـتـورـنـ.ـ بـكـنـداـ  
مـيـمـبـوـغـ: مـكـ يـكـيـوـلـهـ جـوـكـ قـرـأـوـمـقـمانـ سـيـهـيـعـ لـيـمـ وـقـتوـ.ـ اللهـ مـغـهـافـوـسـكـنـ  
دوـساـ ۲ـ كـجـيـلـ دـعنـ سـبـينـ.

# Berhasrat bantu lahirkan anak tempatan berkemahiran, diiktiraf



PAKAR Tenaga Bersatu (PTB) juga meraih kejayaan dan diiktiraf sebagai sebuah institusi latihan yang bertaraf antarabangsa pada Jun 2018 lalu.

**Sumbangan : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**  
Foto : Jabatan Penerangan

**H**ARAPAN tinggi untuk melihat anak-anak tempatan yang berkemahiran dan mempunyai kebolehpasaran dalam pelbagai bidang tenaga kerja selain mendapat pengiktirafan antarabangsa mendorong pasangan suami isteri menubuhkan sebuah organisasi latihan berdaftar yang mengendalikan latihan-latihan kursus dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.

"Apa yang ingin kami capai ialah untuk melahirkan anak-anak tempatan yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai industri dan mudah diterima bekerja di mana-mana syarikat di negara ini dengan pengiktirafan global."

Sekarang ini, kemahiran lebih dilihat utama berbanding pencapaian akademik di mana perlunya ada pengalaman dan kemahiran untuk menjadi seseorang yang berkebolehpasaran apatah lagi jika mereka mempunyai *added benefit*.

"Kami ingin mencari jalan penyelesaian. Justeru, apa yang kami lihat ialah bagaimana untuk menjadikan anak-anak tempatan kita berkebolehpasaran dan untuk mencapai hasrat tersebut, kita memberikan mereka dengan pengiktirafan antarabangsa. Orang melihat kitani sama standard dengan negara luar," demikian jelas Pengarah Urusan Syarikat Pakar Tenaga Bersatu (PTB), Pengiran Hishamuddin Alli bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh dan isteri beliau, Dayang Hajah Normawati binti Dato Paduka Haji Othman selaku Timbalan Pengarah Urusan PTB semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei baru-baru ini.

## Penubuhan PTB

Menceritakan mengenai sejarah penubuhan PTB, Pengiran Hishamuddin Alli menjelaskan, PTB diluluskan sebagai sebuah organisasi latihan berdaftar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mula mengendalikan latihan kursus kimpalan di bawah Program Negara Industrial Skilled Qualification (ISQ) pada tahun 2014.

Fasa Pertama Program ISQ tersebut diperkenalkan melalui The Energy Industry Competency Framework (EICF) pada Julai

2013 yang lalu hasil gabungan kerja di antara Jabatan Tenaga dan Industri, Jabatan Perdana Menteri, [jabatan ini kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian]; Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) serta industri minyak dan gas dengan matlamat untuk menghasilkan tenaga pekerja tempatan yang berkualiti yang berkebolehan dan berkelayakan.

EICF kemudiannya berkembang sebagai Industry Competency Framework (ICF) dan pada masa kini mempunyai objektif utama bagi *employability* tenaga pekerja tempatan yang bekemahiran dalam semua sektor industri selain daripada industri tenaga.

Menurut Dayang Hajah Normawati, PTB adalah institusi latihan pertama di Negara Brunei Darussalam yang mengendalikan Kursus Kimpalan American Welding Society (AWS), autoriti piaawaian kimpalan berkedudukan pertama di dunia di mana selaku ahli AWS, pelatih-pelatih kimpalan lepasan daripada PTB adalah profesional-profesional yang berkelayakan bertaraf antarabangsa tahap 3G dan 6G.

Selain daripada kursus kimpalan, PTB kemudiannya mengendalikan kursus-kursus *marker / fitter* dan pembinaan di Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) di Lambak Kanan.

"Sebagai profesional tempatan yang mempunyai pengalaman bekerja di dalam industri minyak dan gas berserta perbankan, kami meliat peluang yang agak luas bagi memastikan anak-anak tempatan untuk mengambil peranan dan tanggungjawab yang lebih besar di dalam syarikat-syarikat di mana mereka bertugas. Kami percaya dan yakin ini dapat dicapai sekiranya anak-anak tempatan mempunyai kelayakan dan kemahiran yang betul dan diiktirafkan antarabangsa. Ini adalah perlu, dari aspek teknikal, bagi meraih kejayaan dalam pengukuhan sesbuah kerjaya," ujar Dayang Hajah Normawati yang mempunyai pengalaman 17 tahun dalam industri minyak dan gas.

Pengiran Hishamuddin Alli pula menambah, ia juga adalah selaras dengan visi Pelan Strategik Negara Wawasan 2035 untuk membina dan menguatkan / memperkuatkhan kapasiti tenaga kerja anak-anak Brunei yang kompeten.

Konsep pengetahuan dan



PENGARAH Urusan Syarikat PTB, Pengiran Hishamuddin Alli bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh dan isteri beliau, Dayang Hajah Normawati binti Dato Paduka Haji Othman selaku Timbalan Pengarah Urusan PTB semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei baru-baru ini.

kemahiran juga ditekankan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10) bagi tahun 2012 hingga 2017, iaitu fokus adalah pada penjanaan produktiviti yang tinggi dalam ekonomi Negara Brunei Darussalam melalui meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi tenaga pekerja dalam bidang kerja yang dianggap strategik.

Sepanjang penubuhan itu, satu pencapaian penting bagi PTB ialah apabila diterima menjadi Honorary Member dalam The Technical Vocational School and Association of the Philippines, Incorporation (TEVSAPHIL) pada bulan Oktober 2017 lalu. Melalui keahlian tersebut, PTB dapat mengambil pengetahuan yang lebih lanjut dan mendalam daripada sektor swasta pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional di Republik Filipina dalam perancangan dan

ketersediaan kursus-kursus yang diiktirafkan dalam negara dan juga antarabangsa.

PTB juga meraih kejayaan dan diiktiraf sebagai sebuah institusi latihan yang bertaraf antarabangsa pada Jun 2018 yang lalu.

Pada masa ini, ujar Dayang Hajah Normawati, PTB dalam proses menubuhkan kerjasama dengan beberapa buah institusi pendidikan teknikal dan vokasional di Filipina untuk penyediaan kursus-kursus yang InsyaaAllah akan diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, segala usaha, komitmen dan kemahiran yang diperoleh oleh kedua pasangan berjaya murni ini ternyata tidak sia-sia apabila mereka menerima pelantikan sebagai International Visiting Professional Fellow bagi Pengiran Hishamuddin Alli, manakala isteri beliau dilantik sebagai International Learning and Development Specialist pada bulan September lalu oleh Royal Institution Singapore (RIS).

Specialist pada bulan September lalu oleh Royal Institution Singapore (RIS).

Pelantikan tersebut merupakan salah satu anugerah tertinggi yang diberikan oleh RI bagi mereka yang benar-benar layak.

Terdahulu, pada bulan Jun tahun ini, mereka turut dianugerahkan Fellowships, iaitu penganugerahan bertaraf Masters dari segi akademik daripada RIS di mana Pengiran Hishamuddin Alli dalam pengurusan, manakala isteri beliau dianugerahkan Pengurusan Kewangan, Pencapaian dan penganugerahan yang diterima itu setentu merupakan anugerah yang paling berharga buat kedua pasangan ini kerana mereka merupakan anak Brunei pertama yang berjaya memperoleh pengiktirafan antarabangsa berkenaan.

Ke muka 23



PENGIRAN Hishamuddin Alli menerima pelantikan sebagai International Visiting Professional Fellow, manakala isteri beliau dilantik sebagai International Learning and Development Specialist pada bulan September lalu oleh Royal Institution Singapore (RIS), satu anugerah tertinggi yang diberikan oleh RIS bagi mereka yang benar-benar layak.

# Kejohanan golf kukuhkan silaturahim Mukim Kilanas, Sengkurong



**MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kiri) semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang (kiri). Sementara gambar kanan, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) menyampaikan Piala Pusingan Menteri Pembangunan kepada Pasukan Mukim Sengkurong (SGT) yang menjuarai Kejohanan Golf Persahabatan Antara Mukim Kilanas dan Mukim Sengkurong.**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Hamzah Mohidin

**MENTIRI**, Ahad, 16 Disember. - Pasukan Mukim Sengkurong (SGT) menjuarai Kejohanan Golf Persahabatan Antara Mukim Kilanas dan Mukim Sengkurong, manakala naib johan diraih oleh Mukim Kilanas (GMK) pada perlawanan yang berlangsung di Kelab Golf, Pantai Mentiri.

Kejohanan bagi merebut Piala Pusingan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar itu bertemakan 'Mehacut Subalan

Mukim'. Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Turut hadir, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Kejohanan tersebut mempertandingkan Kategori

Berkumpulan, iaitu seramai 10 pemain Terbuka Terbaik Overall Net dari setiap pasukan mukim, iaitu tujuh pemain lelaki terbaik dan tiga orang dari pemain senior lelaki terbaik.

Seramai 90 peserta menyertai kejohanan berkenaan termasuk Menteri Pertahanan Kedua serta penduduk dari kedua-dua mukim.

Antara tujuan utama perlawanan golf persahabatan ini adalah sebagai satu platform untuk mewujudkan dan mengukuhkan silaturahim yang sedia ada, di samping memupuk semangat kebersamaan serta rasa muhibah dalam kalangan pemain-pemain golf kedua-dua mukim.

## Dari muka 22

Menyentuh mengenai RIS, Dayang Hajah Normawati menjelaskan bahawa RIS memberikan pengiktirafan kepada pengalaman, sumbangan, kemahiran, bakat serta pencapaian seseorang individu yang berkelayakan. Ini bererti tiada ada peperiksaan diperlukan untuk menjadi ahli RIS dan terbuka kepada semua warganegara (*nationality*).

Kelayakan minima bagi menyertai sebagai ahli RIS adalah penuntut yang menjalani kursus pengajian yang dikenali. Semua permohonan akan ditapis oleh panel dalam konstituen yang berkaitan dalam RIS.

RIS jelasnya, memberi pengiktirafan lebih daripada 280 jenis kerjaya merangkumi semua sektor industri, seperti akauntan, jurutera, peguam, pengurusan keselamatan (*safety*), pegawai perbankan, tenaga pengajar, peniaga, pelancongan,

pertanian, profesional perubatan sepertinya jururawat dan *care providers*, dan juga sukarelawan dalam Non-Government Organisations (NGOs).

Pengiktirafan sama juga diambil kira bagi mana jua badan institut korporat yang berminat menjadi ahli RIS.

Pasangan ini dan PTB berpendapat ini adalah pilihan alternatif bagi anak-anak Brunei dan syarikat-syarikat perniagaan / badan korporat tempatan untuk meraih pengiktirafan antarabangsa yang boleh memberikan mereka ataupun syarikat-syarikat perniagaan masing-masing meraih status antarabangsa dan membawa kejayaan dan harapan yang cerah pada masa hadapan.

Mereka menggalakkan anak-anak Brunei dan syarikat-syarikat perniagaan / badan korporat tempatan mengambil kesempatan ini dan menggunakan RIS sebagai satu platform untuk mendapat pendedahan dan pemasaran

global serta rangkaian, mencari biasiswa / peluang bekerja sambil belajar dan pekerjaan di antara ahli-ahli RIS yang lain, menyertai persidangan, serta konvensyen antarabangsa untuk mengingkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan masing-masing.

Sebagai langkah awal, pengiktirafan RIS dilaratkan kepada lebih daripada 200 orang bekas pelatih PTB dan juga tenaga pengajar PTB dalam jurusan pembinaan, pengkimpalan dan *marker / fitter / riveter*, iaitu antara kursus-kursus kemahiran yang telah ditawarkan di PPK.

Menurut Pengiran Hishamuddin Alli yang mempunyai Bachelor of Mining Engineering dari University of Nottingham ini, ada juga beberapa individu tempatan dan antarabangsa yang meminta penjelasan selanjutnya dan pada masa ini permohonan pengiktirafan telah pun diserahkan kepada pihak RIS untuk dipertimbangkan.

Dalam usaha untuk

## BIBD kukuhkan hubungan kekeluargaan melalui kejohanan badminton

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 15 Disember. - BIBD baru-baru ini mengadakan Kejohanan Badminton Tahunan yang diadakan di Bangunan Ibu Pejabat Pengakap di Beribi dan juga Sekolah Sukan.

Kejohanan anjuran BIBD selama tiga hari tersebut turut menarik banyak penyertaan daripada kakitangan BIBD dan juga ahli keluarga mereka.

Melalui kejohanan tersebut juga, ia membolehkan mereka mengambil peluang untuk mengukuhkan hubungan dalam kalangan kakitangannya.

kalangan keluarga ahli BIBD. Pengurus Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi BIBD, Minorhadi bin Haji Mirhassan dalam ucapannya berkata kejohanan tersebut menggambarkan pendekatan dan juga hubungan kekeluargaan yang kuat dalam kalangan BIBD yang mana ia merupakan sebahagian daripada misi BIBD.

Jelas beliau lagi, kejohanan tersebut juga merupakan sebahagian daripada aktiviti tahunan BIBD dalam usaha mengerakkan silaturahim dalam kalangan kakitangannya.

mengembangkan lagi PTB, beliau menjelaskan, InsyaAllah PTB sekarang dalam persediaan menubuhkan beberapa kerjasama yang akan membolehkan PTB menawarkan lebih banyak kursus dalam negara dan antara perancangan masa depan ialah untuk mengembangkan lagi sehingga ke luar negara.

### Hasrat

Selain daripada menubuhkan beberapa kerjasama dengan institusi-institusi luar negara, mereka menyuarakan hasrat agar mereka dan PTB diberikan kesempatan untuk membolehkan perubahan yang positif di Negara Brunei Darussalam dan memberikan sokongan dalam kebolehan yang ada pada diri mereka dan kepada individu-individu serta agensi-agensi yang berkesudian untuk merealisasikan visi negara Wawasan Brunei 2035 yang mana kerjasama sektor swasta dan juga industri adalah perlu bagi memperlengkapkan dan mempertingkatkan lagi

kemahiran anak-anak tempatan untuk menghadapi cabaran dalam era revolusi industri antarabangsa pada masa ini.

Bagi mereka, tidak ada ganjaran yang lebih bermakna daripada membantu dan melihat anak-anak tempatan meraih kejayaan dan di mana sumbangan-sumbangan mereka kepada ekonomi negara dan masyarakat diberikan pengiktirafan yang sewajarnya.

Pengiktirafan antarabangsa adalah satu langkah positif untuk meningkatkan kebolehpasaran dan kemampuan anak-anak Brunei serta perniagaan-perniagaan masing-masing dalam arena global.

Dengan adanya kemahiran-kemahiran dan pengiktirafan tersebut, bakal-bakal tenaga kerja anak tempatan setentunya akan menjadi setaraf dengan negara-negara luar, sekali gus mampu mengembangkan industri negara ini menuju Wawasan Brunei 2035.

# Sukan

## Larian Amal Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat menyertai Larian Amal sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-48 Tahun dan kutipan sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (kiri), sementara gambar kanan, antara yang menyertai larian berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Disember. - Larian Amal sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato

Bencana Sulawesi (TKBS) berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato

Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Atur cara dimulakan dengan senamrolik yang diketuai oleh pegawai dan anggota dari Jabatan Bomba dan Penyelamat, diikuti dengan pelancaran dan pelepasan yang disempurnakan oleh tetamu

kehormat.

Larian tersebut dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Lelaki sejauh 4 Kilometer dan Kategori Perempuan sejauh 3 Kilometer yang bermula dari Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien masuk ke Jalan Stoney,

Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Jalan Simpang, Jalan Haji Basir, seterusnya masuk ke Taman Mahkota Jubli Emas menuju ke Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien terus ke Jalan Mc Arthur dan masuk ke Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Acara tersebut antara lain untuk memberi peluang kepada orang ramai, terutama sekali warga bandar untuk membuat aktiviti sihat, dalam masa yang sama kotak khas bagi TKBS juga disediakan bagi orang ramai membuat sumbangan derma seangkat angkat hati.

Juga hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Pengurus Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan; ketua-ketua jabatan; Ahli-ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan; pegawai-pegawai kanan juga para pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, pihak-pihak swasta dan orang ramai.

## Peserta negara ungguli Pertandingan Dart sempena BDF 2018



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kanan) semasa bergambar bersama johan Kategori Beregu Terbuka, iaitu D'Amazing KBT XD Mission Impossible.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Disember. - Pertandingan Dart Beregu dan Perseorangan Terbuka Brunei 2018 sempena Brunei December Festival (BDF) 2018 yang berlangsung selama tiga hari, bertempat di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kampung Tanah Jambu berakhir hari ini dengan Majlis Penyampaian Hadiah.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Muncul johan bagi Kategori Beregu Terbuka ialah D'Amazing KBT XD Mission Impossible, naib johan dimenangi oleh Meow Family dan tempat ketiga diberikan kepada TCD D5, yang mana kesemua pasukan pemenang ini adalah dari Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, bagi Kategori Perseorangan Terbuka pula, johan disandang oleh Pengiran Mohamed bin Pengiran Haji Matersad, naib johan diraih oleh Mohammad Asri bin Kamar dan tempat ketiga dimenangi oleh Pengiran Azim bin Pengiran Mansor.

Para pemenang bagi kategori-kategori tersebut merupakan peserta dari Negara Brunei Darussalam.

Johan Beregu membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah BND1,000; naib johan BND400 dan tempat ketiga BND200.

Sementara johan Perseorangan membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah BND300; naib johan BND150 dan tempat ketiga BND70.

Semua peserta pemenang juga akan membawa pulang medal dan sijil penyertaan.

Pertandingan adalah anjuran

Dart Event Management dengan sokongan Persatuan Kebangsaan Dart Negara Brunei Darussalam (BND) dan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT).

Pertandingan juga merupakan julung kali diadakan dengan tujuan bagi mengumpulkan pemain-pemain dart dari seluruh Borneo dan ASEAN untuk meraih gelaran juara, sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim sesama pemain.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Beregu dan Perseorangan Terbuka dan disertai oleh lebih kurang 300 peserta bagi kedua-dua kategori.

Keseluruhan penyertaan mencecah seramai 308 penyertaan, iaitu 74 menyertai Kategori Beregu Terbuka dan selebihnya adalah peserta Perseorangan.

Adalah menjadi harapan dengan adanya pertandingan sukan seumpama ini ia dapat memberikan impak positif dalam kalangan mereka yang terlibat, selain membuka peluang untuk menjalin jaringan hubungan usaha sama pada masa akan datang.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'MERANCANG PERUBAHAN KE ARAH PEMBANGUNAN YANG MAMPAH'

دربتکن اوله جباتن فرمان، جباتن فردان منtri دان ڈجیتک اوله جباتن فرچیتھن کراجاڻ، نڪارا ٻروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

